

TERAS 10

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Ramadhan

Jatang lagi...



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Ogos 2011

Puasa
Wasilah
Takwa

Skim
Fellow

Program Integrasi
Insan Terbilang

Kursus Pengukuhan
Jati Diri Insan Dinamik

SIDANG REDAKSI

Pembaca Pruf:	Noraini binti Buang Nurhayati binti Mohd Sharif	
Perekabentuk:	Ratnasaerah binti Azis	Jurugambbar: Khairul Nizam bin Minhat Jorafiza binti Juki Md Nor bin Mohamad Saleh Nurulidayu binti Talib
Pemberita:	Ustaz Long bin Kechik Farid bin Faiz Muhamad Hazrul bin Md Esa Norsuria binti Azis Nurhayati binti Mohd Shariff Mohamad Yusof bin Mohamad Dan Mahathir bin Mazizan Ismail Md. Nor @ Mohd. Nor	
Sidang Redaksi:	Azrina binti Alwi Hasan bin Saleh Muhamad Hazrul bin Md Esa Noreliza binti Adam Norsuria binti Azis Mahathir bin Mazizan Hisyamuddin bin Jamari	
Penilaung:	Hasan bin Sirun Masdzarif bin Mahat Fadzlin binti Amzah	

ISI KANDUNGAN



<i>Puasa</i> Wasilah Takwa	4
<i>Kursus</i> Pengukuhan Jati Diri Insan Dinamik	19



<i>Program</i> Integrasi Insan Terbilang	13
---	----



Skim Fellow	
<i>UTeM</i>	26



<i>Lawatan</i> ke Kumpulan Media Karangkraf	29
---	----

<i>Coretan</i> Aktiviti Bahagian Kesejahteraan Personel	35
---	----



<i>UTeM</i> IPTA Pertama Tawar Program Teknologi Kejuruteraan	39
--	----

<i>Ramadhan</i> Membentuk Kecerdasan Emosi	40
--	----

<i>Puasa</i>	42
--------------	----

<i>Tahniah..!!!</i> Berjaya Menamatkan Pengajian	43
--	----

EDITORIAL
Buletin TERAS
Edisi ke 10 – Ogos 2011

Ramadhan *datang lagi...*

Syukur Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita rafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinya keluaran TERAS edisi ke 10 ini dapat disempurnakan dalam masa yang singkat selepas edisi ke 9 lalu yang diterbitkan pada bulan Julai. Atas pandangan Pendaftar dan dipersetujui oleh semua ahli Sidang Ridaksi – Buletin maka Pejabat Pendaftar berusaha untuk menerbitkan edisi kali ini bersempena dengan bulan yang amat mulia ini.

Ramadhan datang lagi bersama jutaan hikmah dan fadhlilah. Ramadhan hadir dalam suasana yang begitu mendamaikan bagi setiap insan. Ramadhan, bulan yang dinanti dan dihadui. Ramadhan, pemergiannya akan ditangisi. Ramadhan, bulan yang diberkati; terlalu banyak faedah yang boleh diperolehi. Ramadhan, bulan yang menundukkan hawa nafsu. Sebagaimana petikan daripada sabda Nabi SAW di dalam khutbahnya di akhir bulan Sya'aban tatkala menyambut bulan Ramadhan yang bermaksud :

"Wahai manusia, sungguh telah datang kepada kalian bulan Allah yang membawa berkah, rahmat dan maghfirah. Bulan yang paling mulia di sisi Allah. Hari-harinya paling utama. Malam-malamnya paling utama. Detik demi detiknya paling utama. Inillah bulan di mana kalian diundang menjadi tetamu Allah dan dimuliakan oleh-Nya." – Riwayat Ibnu Khuzaimah.

Oleh itu, mari lah kita bersama-sama menggunakan kesempatan bulan yang mulia ini untuk muhasabah diri dan berusaha untuk mempertingkatkan usaha kita untuk mendapatkan keredhaan Allah.

Isi kandungan TERAS edisi ke 10 ini akan tertumpu kepada bagaimana kita mengaitkan ibadah puasa ini dengan kerja sehari-hari kita. Umum mengetahui bahawa dengan berpuasa akan dapat membersihkan jiwa serta jasmani. Jiwa yang bersih serta jasmani yang sihat secara langsungnya akan dapat meningkatkan lagi kualiti kerja. Oleh itu, sepatutnya produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan di tempat kerja adalah lebih baik lagi berbanding dengan bulan-bulan yang lain. Di tempat kerja, kita mempunyai masa yang banyak berbanding bulan-bulan yang lain. Kalau di bulan lain kebanyakkan staf akan mencuri masa untuk minum pagi paling kurang selama 15 minit sehari, maka dalam sebulan sudahah 300 minit terbuang; sedangkan di bulan Ramadhan ini kita dapat menggunakan waktu tersebut untuk membuat pelbagai kerja yang memberi manfaat kepada diri dan organisasi. Sidang Ridaksi juga telah berusaha untuk mendapatkan buah fikiran dari dua orang rakan di luar UTeM tetapi mempunyai hubungan yang rapat dengan kita semua iaitu Ustaz Long bin Kechik daripada Institut Latihan ILSAS dan En. Farid bin Faiz dari NF Team Learning Consultancy yang banyak membantu Universiti dalam siri-siri program PINTAR untuk memberikan pandangan dan buah fikiran buat tatapan kita semua.

Panjatkanlah doa semoga umur kita dipanjangkan oleh Allah untuk bersama-sama menjalankan ibadah dibulan yang mulia ini. Rebutlah peluang ini sebaik mungkin untuk mendekatkan diri kepada Allah, kerana mana tahu ini adalah Ramadhan yang terakhir untuk kita.

Akhir kata, saya mewakili ahli sidang ridaksi yang lain mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa dan semoga keluaran kali ini amat bermanfaat untuk kita sama ada atas urusan dunia dan juga akhirat.

masdzarif bin hij. mahat

wassalam.

"Bulan Ramadhan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah."
(Al Baqarah : 185)

Puasa Wasilah Takwa

oleh : Ustaz Long bin Kechik

Alhamdullilah, marilah sama-sama kita memanjatkan rasa kesyukuran kita kepada Allah SWT kerana pada detik ini, pada saat ini kita masih lagi hidup. Darah kita masih mengalir, nadi kita masih berdenyut, nafas kita masih terus turun dan naik, kita masih lagi mampu untuk menatap wajah insan-insan yang kita kasih dan sayang, kita masih hidup. Alhamdullilah.

Walau bagaimanapun akan datang satu masa, akan datang satu saat, kita akan dimandikan oleh orang, kita akan dikafarkan oleh orang, kita akan disembahyang oleh orang, kita akan dihantung ke tanah perkuburan, kita akan ditinggalkan di dalam tanah, bersendirian, tanpa teman, tanpa kawan.

Sesungguhnya kita hanya tahu tarikh lahir kita. Kita tidak tahu tarikh mati kita. Mungkin hari ini, hari terakhir kita hidup. Mungkin minggu ini, minggu terakhir kita hidup. Mungkin bulan ini, bulan terakhir kita hidup. Mungkin tahun ini, tahun terakhir kita hidup. Mungkin kita hidup sepuluh tahun lagi, mungkin kita hidup dua puluh tahun lagi. Yang jelas saat itu bukan makin jauh dari kita, tapi makin dekat dengan kita.

Mati bukan noktah kepada kehidupan. Sesungguhnya dengan mati bermulalah kehidupan kita. Kehidupan yang lebih hakiki. Kehidupan yang lebih abadi. Apa yang akan berlaku ke atas kita pada kehidupan kita yang satu lagi itu bergantung bagaimana kehidupan kita di atas dunia ini. Kalau padi yang kita tanam, padilah yang kita akan tuai. Tapi kalau lalang yang kita biarkan maka lalanglah yang kita akan dapat.



Ustaz Long bin Kechik





Matlamat Puasa

Ar-Rasul SAW menegaskan bahawa sebaik-baik bekal adalah takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia dikalangan kita pada sisi Allah adalah orang yang bertakwa. Maka Allah swt mendatangkan bulan Ramadhan. Di mana dengan kita berpuasa di dalam bulan Ramadhan kita akan menjadi orang yang bertakwa. Ini sesuai dengan firman Allah:

"Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu puasa, sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang terdahulu dari kamu, mudah-mudah kamu menjadi orang bertakwa"

Daripada ayat ini kita boleh buat satu formula:

$$\text{IMAN} + \text{PUASA} = \text{TAKWA}$$

Walau bagaimanapun Allah meletakkan di dalam ayat tadi perkataan 'la al la' yang bermaksud mudah-mudahan. Maka dengan itu, belum tentu dengan kita berpuasa, takwa akan dapat dibina dan dijana. Ini adalah kerana sejauh mana takwa akan terbina adalah bergantung kepada kualiti puasa kita.

Sebab itu kata Nabi; *"Ramai umat aku berpuasa, tetapi mereka hanya dapat lapar dan dahaga sahaja."*

Maka perlu kita menginsafi di sini bahawa ramai orang berpuasa tetapi takwanya tidak terbina. Ramai orang yang berpuasa tidak dapat pahala. Ramai dari kalangan yang berpuasa tetapi tidak dapat apa-apa kecuali lapar dan dahaga sahaja.

Maka penting untuk kita sama-sama bermuhasabah diri kita. Bagaimanakah mutu puasa kita selama ini. Marilah kita jadikan bulan Ramadhan tahun ini adalah bulan Ramadhan yang terbaik daripada bulan-bulan Ramadhan yang telah kita lalui sebelum ini.

Puasa adalah proses. Proses untuk melahirkan takwa. Maka penting untuk kita sama-sama menginsafi akan hakikat ini. Kita berpuasa bukan hanya kerana berpuasa tapi kita berpuasa untuk menjana budaya hidup orang bertakwa.

Dalam dunia pengurusan di sana ada input, proses dan output. Puasa bukan output. Puasa adalah proses. Proses untuk melahirkan takwa. Maka penting untuk kita sama-sama menginsafi akan hakikat ini. Kita berpuasa bukan hanya kerana berpuasa tapi kita berpuasa untuk menjana budaya hidup orang bertakwa.

Dalam kehidupan ini penting untuk kita mempunyai matlamat yang jelas. Maka sebab itu dalam konteks organisasi kita ada visi dan misi. Dalam konteks individu pun kita ada *mission statement*. Dalam konteks puasa yang kita jalani, melalui ayat tadi kita boleh bentuk satu objektif iaitu:

Setelah menjalani ibadah puasa selama sebulan dalam bulan Ramadhan, di akhirnya orang-orang yang beriman akan menjadi orang yang bertakwa.

Modul Ramadhan

Ar-Rasul SAW menegaskan bahawa ramai umatku berpuasa tetapi mereka hanya dapat lapar dan dahaga saja.

Maka penting untuk kita insafi bahawa belum tentu dengan puasa yang kita jalani itu, takwa akan terbina. Sejauh mana takwa akan terjana adalah berkadar terus dengan bagaimanakah kualiti puasa kita.

Allah SWT dengan sifat kasih sayangnya telah mendatangkan dalam bulan Ramadhan modul-modul khusus untuk menjadi katalis ke arah penjanaan budaya hidup orang bertakwa dalam kehidupan kita.

Modul Pertama: Niat

Niat mempunyai peranan penting dalam kehidupan kita. Hari ini disebabkan kita biasa berniat dalam melaksanakan ibadah sehari-hari, hingga kita tidak merasakan kekuatan yang ada disebalik niat itu. Hingga niat yang kita ungkapkan hilang rohnya.

Untuk kita memahami akan kepentingan niat, mari kita lihat beberapa contoh. Dato' Azhar Mansor ada matlamat. Apa matlamatnya. Beliau ingin mengelilingi dunia secara solo dengan menggunakan kapal layar. Apa yang telah menolak beliau untuk merealisasikan matlamat tersebut. Sehingga sanggup meredah lautan yang luas, ombak dan badai yang besar, ribut dan taufan yang menggilir. Jawapannya adalah niat. Beliau mempunyai niat yang sungguh-sungguh. Kalau kita pinjam kata-kata dalam dunia motivasi niat yang sungguh-sungguh ini adalah *burning desire*.



Datuk Syed Muazafar dengan niat yang telah menjadi *burning desire*, maka matlamatnya untuk ke angkasa lepas telah menjadi kenyataan. Orang bercinta, untuk menunjukkan niatnya yang sungguh-sungguh untuk memiliki si dia, seringkali berkata bahawa tujuh lautan api sanggupku renang. Lautan api bukan lautan air. Tujuh bukan satu.

Itulah peranan niat. Sejauh mana sesuatu matlamat itu akan menjadi kenyataan bergantung bagaimana keadaan niat kita. Kalau tidak, matlamat akan menjadi sekadar harapan dan impian. Atau menjadi sekadar angan-angan saja.

Maka begitulah puasa yang kita jalani. Di mana matlamat akhirnya adalah untuk menjadi orang yang bertakwa. Sejauh manakah takwa akan terbina dan terjana adalah bergantung kepada niat kita. Maka di samping kita berniat untuk menyempurnakan rukun puasa kita, perlulah kita bentuk satu keinginan yang mendalam, iltizam yang tinggi, komitmen yang padu hingga menjadi momentum dan semangat motivasi yang berkobar-kobar ke arah berusaha untuk merealisasikan matlamat menjadi seorang insan yang benar-benar bertakwa kepada Allah.

Modul Kedua: Tarawih**UTeM****UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Tarawih adalah satu lagi modul penting ke arah menjadi katalis untuk penjanaan budaya hidup orang bertakwa. Tarawih adalah sembahyang sunat. Seluruh umat Islam di seluruh dunia akan melaksanakannya secara berjemaah di masjid atau di surau. Apa yang tersirat disebalik itu?

Sesungguhnya orang bertakwa sentiasa menjadikan masjid sebagai paksi kehidupannya. Nabi Muhammad SAW sendiri bila berhijrah ke Madinah, perkara pertama yang baginda lakukan adalah mendirikan masjid. Kata Nabi SAW, nanti di Padang Mahsyar akan ada tujuh golongan manusia yang akan diletakkan oleh Allah di atas mimbar yang bercahaya-cahaya. Satu dari golongan tersebut adalah mereka yang hatinya, semasa hidup di dunia sentiasa terpaut dengan masjid.

Allah SWT menegaskan bahawa orang yang mengimarahkan rumah-rumah Allah (masjid, surau atau musalla) mereka adalah orang yang benar-benar beriman dengan Allah dan Hari Akhirat. Tidak cukup dengan itu Allah menegaskan mereka juga adalah orang yang jaga solat dan menunai zakat serta tidak takut pada apa-apa selain Allah. Kelima-lima kualiti ini adalah sifat-sifat orang-orang bertakwa yang dianugerahkan kepada mereka yang suka mengimarahkan rumah-rumah Allah.

Orang bertakwa dalam masjid seperti ikan dalam air. Orang yang tidak bertakwa dalam masjid seperti burung dalam sangkar. Justeru itu penting untuk kita menginsafi bahawa yang tersirat di sebalik tarawih adalah program latihan untuk kita menghidupkan budaya menghidupkan masjid. Mana mungkin kita menjadi orang bertakwa kalau kita tidak mengimarahkan masjid. Maka penting disamping solat tarawih yang sunat kita juga untuk melaksanakannya di masjid, apatah lagi solat fardu yang sememangnya amat-amat diberati oleh Rasulullah SAW semasa hayatnya untuk dilaksanakan secara berjemaah. Sampai waktu baginda sakit pun, Rasulullah SAW berpapah ke masjid.

Sunnah yang terpenting dalam bulan Ramadhan adalah iktikaf. Nabi memperbanyakkan masa baginda di dalam masjid. Maka penting untuk kita berusaha untuk menghidupkan amalan ini.

Kalau kita bawa ayam dari kampung ke taman di mana kita tinggal, dan sampai saja di taman, terus kita lepaskan ayam tersebut. Apa akan berlaku? Ayam itu akan hilang. Petuanya, letak ayam itu tiga hari dalam reban. Kemudian lepaskan. InsyaAllah ayam itu tidak akan hilang.

Selama sebulan kita menghubungkan diri kita dengan rumah-rumah Allah. InsyaAllah hati kita akan terpaut dengannya. Sesungguhnya dalam masjid ada suasana takwa. Kerana dalam masjid ada suasana malaikat. Dalam masjid ada suasana taat. Maka bila kita banyak berada dalam suasana itu, insyaAllah iaanya akan memberi kesan kepada kita. Hingga kerananya akan mudah berlaku proses pembinaan personaliti takwa dalam diri kita.

Oleh itu marilah kita pastikan bulan Ramadhan kita pada tahun ini, bulan yang dapat menjadikan masjid sebagai paksi kehidupan kita. Bulan yang dapat menjadikan hati kita terpaut dengan masjid. Bulan yang dapat membentuk personaliti takwa ke atas diri kita.

Modul ketiga: Sahur

Orang bertakwa dalam masjid seperti ikan dalam air. Orang yang tidak bertakwa dalam masjid seperti burung dalam sangkar. Justeru itu penting untuk kita menginsafi bahawa yang tersirat di sebalik tarawih adalah program latihan untuk kita menghidupkan budaya menghidupkan masjid. Mana mungkin kita menjadi orang bertakwa kalau kita tidak mengimarahkan masjid.

Sahur adalah satu lagi modul khas yang Allah letakkan di dalam bulan ini sebagai katalis ke arah membentuk budaya hidup orang yang bertakwa. Apa tujuan sahur. Dalam minda umat hari ini, sahur itu dilihat terbatas untuk makan. Sahur tujuannya bukan untuk makan. Sebab itu makan sunnahnya kita lambatkan. Lagi lambat lagi baik.

Mana mungkin kita makan kalau tidak bangun. Maka janganlah bangun hanya untuk makan. Orang bertakwa sentiasa bangun malam untuk beribadat kepada Allah. Maka kerananya janganlah kita bangun hanya untuk makan. Bangunlah dan beribadatlah di malam hari. Sesungguhnya sahur adalah modul latihan untuk bangun malam bagi mentaqarrubkan diri kepada Allah.

Mana mungkin kita menjadi orang bertakwa kalau kita tidak menjadikan budaya bangun malam untuk beribadat ini, sebagai budaya kita.

Maka marilah kitajadikan Ramadhan kita tahun ini sebagai Ramadhan yang dapat membentuk kita ke arah menjadikan malam hari kita, sebahagian darinya kita bangun untuk mendekatkan diri kita kepada Allah swt.

Modul keempat: Puasa

Imam Ghazali rahmatullahi alaihi membahagikan puasa kepada tiga. Pertama puasa awam, kedua puasa khusus dan yang ketiga puasa khusus-lil khusus.

Puasa awam adalah puasa menahan diri dari makan dan minum serta perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa. Ini kita faham dan amat kita menjaganya.

Walau bagaimanapun untuk menjana takwa kita perlu menaikkan kualiti puasa kita ke tahap yang kedua dan yang ketiga.

Puasa yang kedua adalah puasa khusus, puasa yang bukan hanya menahan diri dari makan dan minum serta perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa. Bahkan mereka berusaha untuk menyelamatkan diri mereka daripada perkara-perkara yang boleh membatalkan pahala puasa.

Bagaimana pahala puasa boleh terbatal? Bila kita berpuasa tetapi kita tidak jaga mata, telinga, lidah, mulut, telinga, tangan, kaki, perut, kemaluan dan pemikiran. Siapa orang bertakwa? Orang bertakwa adalah orang yang mampu mentadbir urus jasadnya agar sentiasa berada di dalam rahmat dan kasih sayang Allah. Sebagai contoh, orang bertakwa tidak menggunakan matanya kepada hal-hal yang boleh menyebabkan Allah murka kepadanya. Orang bertakwa akan menggunakan matanya sebagai asbab untuk Allah sayang padanya.

Manakala puasa yang ketiga iaitu puasa khusus-lil khusus adalah puasa yang tertinggi. Ianya berkaitan dengan hati. Orang bertakwa adalah orang yang hatinya sentiasa ingat Allah. Hatinya sentiasa merasakan keberadaan dan kebesaran Allah Tuhan Rabbul Jalil.

Untuk kita menjadi orang bertakwa kita perlu betulkan kehidupan kita. Untuk betulkan kehidupan kita, kita perlu betulkan amal kita. Untuk betulkan amal kita. Kita perlu betulkan jasad kita. Untuk betulkan jasad kita, kita perlu betulkan hati kita.

Kata Nabi SAW, dalam diri manusia ada seketul daging. Kalau baik daging itu, maka baik yang lain. Tapi kalau buruk daging itu, maka buruklah yang lain. Itulah kalbu. Itulah hati.


Maka justeru kerana itu, dalam bulan Ramadhan yang penuh keberkatan ini marilah kita usahakan hati kita agar sentiasa ingat Allah. Mana mungkin kita menjadi orang bertakwa, kalau hati kita kosong dari mengingati Allah.



Modul kelima: Berbuka Puasa.

Berbuka puasa adalah satu lagi modul penting untuk membentuk budaya hidup orang bertakwa. Adalah sunnah kita mempercepatkan dalam berbuka puasa. Tetapi cepat bukan hanya mula waktu mulanya, tetapi cepat juga dalam menamatkannya. Kita hari ini berbukanya cepat. Tapi lambat berhentinya. Kadang-kadang kita lihat seolah-olah hendak dijamakkan semua makanan yang telah kita tinggalkan, pada masa berbuka puasa. Nabi SAW menganjurkan agar kita berbuka dengan tamar dan manisan seperti madu dan susu.

Berbuka puasa ala sunnah akan membentuk budaya hidup orang bertakwa untuk sentiasa mendahului kehendak Allah dalam kehidupan. Dan mempastikan kehendak Allah itu dilaksanakan serasi dan selari dengan sunnah Rasullah SAW.





Modul ke-enam: Lailatul Qadar

Lailatulqadar bukan matlamat tetapi alat. Alat untuk merangsang budaya hidup orang bertakwa. Lailatulqadar berada pada sepuluh yang akhir daripada Ramadhan. Dua puluh hari telah berlalu, maka sepuluh hari yang terakhir itu Allah SWT datangkan Lailatulqadar untuk kita mempertingkatkan usaha untuk membudayakan hidup dengan budaya hidup orang bertakwa.

Ibarat seorang ayah memberitahu kepada anaknya bahawa anaknya akan diberi hadiah sebuah motosikal kiranya anaknya itu mendapat kelulusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Anaknya bila diberitahu begitu oleh ayahnya, maka dia asyik ke kedai motor. Pergi sekolah pun teringat motor. Lihat cikgu pun nampak motor. Tujuan ayah adalah untuk membuatkan anak belajar bersungguh-sungguh. Motor hanya sebagai umpan. Maka bila anak tidak belajar, tentunya anak itu tidak dapat motor yang dijanjikan oleh ayah.


Allah SWT meletakkan pada sepuluh yang akhir daripada Ramadhan Lailatul qadar sebagai hadiah yang sangat besar. Dan kita tidak tahu malam bila. Tujuannya adalah agar kita memberhebatkan usaha ke arah menjadi orang yang bertakwa pada sepuluh yang akhir daripada Ramadhan.

Untuk mendapat Lailatul qadar kita perlu membanyakkan iktikaf dan berjaga malam. Dan isikan semasa iktikaf dan berjaga malam dengan amal-amal yang dapat mendekatkan kita kepada Allah SWT seperti solat, zikir, membaca Al-Qur'an dan sebagainya.

Justeru itu janganlah kita pilih-pilih malam yang tertentu sahaja untuk kita beribadat dalam sepuluh Ramadhan yang terakhir itu. Rasulullah SAW bermula dari malam kedua puluh satu hingga ke malam akhir Ramadhan beriktfikat di dalam masjid. Dikatakan Nabi SAW pada sepuluh yang terakhir, bermula pada malam yang ke dua puluh satu memperketatkan ikatan kainnya untuk dapat mempertingkatkan lagi ibadah baginda.

Marilah kita menjadikan Lailatul qadar sebagai alat untuk mempertingkatkan usaha kita untuk menjadi insan yang benar-benar bertakwa kepada Allah. Dengan menjadikan masjid sebagai paksi kehidupan dan amalan malam sebagai budaya.

Modul ketujuh: Zakat Fitrah



Modul-modul sebelum ini memperkasakan hubungan kita dengan Allah atau apa yang kita panggil dengan hablum minallah. Tetapi untuk menjadi orang yang bertakwa kita juga perlu mempertingkatkan hablum minannas; hubungan kita sesama insan.

Maka zakat fitrah yang diajukan ke atas kita adalah untuk mempertingkatkan kualiti ini. Maka di samping kita melakukan amalan zakat yang fardhu, perbanyakkanlah sedekah dan beramal jariah. Lihatlah fakir miskin dan anak-anak yatim. Sesungguhnya memberi seseorang makanan untuk berbuka puasa sangat besar pahalanya walaupun dengan hanya sekadar sebiji kurma.

Semoga bulan Ramadhan kita pada tahun ini bulan yang lebih baik daripada bulan-bulan Ramadhan yang telah kita lalui sebelum ini. Marilah kita jadikan puasa yang kita jalani pada bulan Ramadhan tahun ini sebagai wasilah ke arah menjadikan kita insan yang benar-benar bertakwa kepada Allah. Semoga puasa kita pada tahun ini tidak mendapat lapar dan dahaga sahaja.

“ Ya Allah berilah kami kekuatan untuk menjadikan Ramadhan kami tahun ini, adalah Ramadhan yang benar-benar dapat menjadikan kami hamba-hamba mu yang bertakwa. Amin. Ya Rabbal a’lamin.”

**Daripada Abi Soleh Az-zayyat
bahawa dia telah mendengar Abu Huraiyah berkata:**

Rassullah S.A.W telah bersabda yang bermaksud : Setiap amalan anak Adam baginya melainkan puasa maka ia untukku dan Aku akan membalaunya.

Dan puasa adalah perisai, maka apabila seseorang berada pada hari puasa maka dia dilarang menghampiri (bercumbu) pada hari itu dan tidak meninggikan suara. Sekiranya dia dilihat atau diserang maka dia berkata : Sesungguhnya aku berpuasa demi Tuhan yang mana diri nabi Muhammad ditanganNya maka perubahan bau mulut orang berpuasa lebih harum di sisinya Allah pada hari qiamat daripada bau kasturi, dan bagi orang berpuasa dua kegembiraan yang mana dia bergembira dengan keduanya apabila berbuka dia bergembira dengan waktu berbukanya dan apabila bertemu TuhanYa dia gembira dengan puasanya..

-Hadis riwayat Imam Bukhari, Muslim, Nasai'e, Ahmad, Ibn Khuzaimah, Ibn Habban dan Balhaqil-

Wahai diriku...

Ini tentang puasamu. Puasamu belum sampai pada hakikat puasa orang-orang yang warak, apatah lagi puasa para muhsinun. Puasa para muhsinun, puasa mereka ialah puasa orang-orang yang menghayati secara sempurna Islam, Iman dan Ihsan mereka. Puasa para muhsinun ini ialah puasa orang-orang yang pastrah bersama Allah. Puasa mereka bukan lagi berupa untuk mencari cinta Allah kerana cinta mereka ini tidak lagi berkurstuf, tidak lagi bertutur tetapi telah menjadi rahsia mereka bersama Allah. Mereka ini amat bijaksana, sebagaimana kata Imam Al-Ghazali rahimahullah "sesungguhnya 'arif itu siapa yang melihat akan sesuatu, bahkan melihat Haq Allah Taala atas segela sesuatu".

Manakala puasa hamba Allah yang warak talah puasa hamba-hamba yang mencari redha dan kecintaan Allah. Mereka amat menjaga pekerjaan bathin dan zahir untuk patuh apa yang ditentukan oleh Allah. Mereka inilah yang begitu bergembira menantikan kehadiran Ramadhan, untuk dapat membuktikan pencarian redha dan cinta Ilahi, dan mereka ini juga yang menangisi dan merindui kepergian Ramadhan seperti perpisahan orang yang asyik bercinta yang bimbang kemungkinan mereka mungkin tidak dapat bersama lagi.

Tetapi puasa dirimu ini adalah puasa orang yang bergelut dengan hawa dan nafsu yang ada dalam dirimu sendiri. Bagaimanakah engkau mampu untuk mengekang, menahan, mendidik dan mendorong hawa dan nafsumu menerusi ibadah puasamu ini, sedangkan selama ini engkau hanya menuruti kehendak dan kemahuuan hawa dan nafsumu. Selama ini, engkau makan dan minum kerana menurut kehendak 'hawa'mu. Engkau biarkan sahaja sehingga kadang-kadang ia mendatangkan mudarat ke atas dirimu berupa penyakit-penyakit.

Selama ini engkau malas, hasad, dengki, tamak, riya', takabbur, tidak adil, tidak endah, tidak bereungguh-sungguh, tidak mahu berubah kepada ajakan kepada kebaikan kerana tunduk kepada bisikan nafsumu. Engkau biarkan sahaja nafsu-nafsu ini mengusai dirimu sehingga ia menjadi penyakit batimu menyebabkan hidupmu penuh prasangka, tidak bersyukur, sentiasa keluh kesah menjalani kehidupan ini.

Biarlah mulai puasamu sekarang ini, engkau mesti bersabar dalam mentaati perintah Tuhanmu, engkau mesti bersabar mengekang tuntutan hawa nafsumu, engkau mesti bersabar menundukkan ajakan hawa nafsumu, engkau mesti bersabar untuk mendidik hawa nafsumu dan engkau mesti kuat bersabar dalam mendorong hawa nafsu kembali kepada acuan Allah, nescaya engkau perolehi keberkatan dalam ibadah puasamu. Mudah-mudahan engkau dapat mencapai darjat puasa yang mana hatimu berpuasa dari segala cita-cita pemikiran, keduniawan yang kotor dan memesongkan perhatian dari selain Allah Azzawajallah.

Wahai diriku, jika dalam hatimu kini bercampur baur perasaan takut dan harap kerana tidak engkau ketahui apakah amalan puasamu itu tertolak, menyebabkan tergolonglah engkau ke dalam golongan orang yang jauh dari rahmat Allah atau puasamu itu diterima Allah sehingga tergolonglah engkau ke dalam golongan hamba Allah yang muqarrabin (hampir kepada Allah), maka engkau harus bersyukur kerana engkau masih bepeluang membuat pilihan untuk memperbaiki puasamu...

....aku....



اوینور سبجي تيكنيكال مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Program **Integrasi Insan Terbilang**

oleh : Farid bin Faiz

**Beberapa Pandangan Daripada Fasilitator Program
Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) UTeM**



Encik Farid bin Faiz
Fasilitator Program Insan Terbilang
(PINTAR)

**Soalan: Apa fokus dan matlamat PINTAR ?
Apakah isu yang lebih luas dan cabaran yang
dihadapi untuk membantu warga keluarga
UTeM untuk memahami tujuan dan hasrat
PINTAR?**

Dalam ingatan saya, matlamat utama PINTAR - telah diperjelaskan oleh Y. Bhg Datuk Naib Canselor sendiri semasa sesi ucap tama beliau dalam setiap PINTAR PTj. Diulangi disini matlamatnya: Mengukuh penghayatan visi, misi, dan pelan strategik UTeM, memantapkan kepimpinan dan kerja berpasukan dan mengukuh nilai dan budaya kerja cemerlang di kalangan warga UTeM.

Selain dari PINTAR merupakan sebagai suatu program yang dilalui dalam satu jangka masa dan tempat tertentu, matlamat dan mesej dari PINTAR merupakan suatu proses perubahan organisasi yang mana agendanya tetap dan berterusan.

Jelas dalam fikiran saya: untuk mencapai sepenuhnya visi UTeM, iaitu Menjadi Universiti Teknikal Yang Kreatif dan Inovatif Terkemuka di Dunia, warga keluarga UTeM perlu mencetus perubahan budaya kerja UTeM kepada yang bersesuaian dengan visi dan misi yang dikehendaki. Transformasi ini perlu terpimpin dengan strategi-strategi yang jelas dan pelaksanaan melalui kepimpinan individu dan secara berpasukan (berjemaah). Tidak hairanlah kenapa istilah-istilah seperti "Transformasi", "Perubahan", "Strategi", "Fokus", dan "Inovasi" di antara istilah-istilah yang diperbicarakan oleh pimpinan atasaran UTeM dan merupakan kehendak Kementerian Pengajian Tinggi.

Tulisan ini merupakan beberapa pandangan yang tercetus apabila saya diminta untuk menyumbang kepada buletin TERAS keluaran kali ini. Saya kemukakan pandangan saya dalam format soal-jawab. Ianya merupakan respon kepada soalan-soalan yang saya fikir perlu kepada penjelasan semula atau pengukuhan setelah kita kini sampai kepada penghujung pelaksanaan semua PINTAR PTj di UTeM.

Sebagai fasilitator utama program PINTAR, saya menerima berbagai komen (secara lisan atau tulisan dari peserta) sebelum, semasa atau selepas program PINTAR, PTj masing-masing. Insy Allah, secara keseluruhan, kesemua maklum balas, samada penilaian yang positif atau negatif, saya anggapkan penilaian yang bertujuan untuk penambahbaikan dan membina.

Saya juga amat bersyukur dan menghargai berkesempatan berada terutama dalam sesi akhir program PINTAR PTj di mana semua peserta bersama dengan Y. Bhg Datuk Naib Canselor. Selain dari pemerhatian dan keterlibatan saya dari sesi permulaan PINTAR, banyak perkara yang telah saya pelajari ketika mengamati pemikiran dan tingkah-laku peserta berinteraksi dengan Y. Bhg Datuk Naib Canselor semasa sesi terakhir tersebut.



“untuk mencapai sepenuhnya visi UTeM, iaitu Menjadi Universiti Teknikal Yang Kreatif dan Inovatif Terkemuka di Dunia, warga keluarga UTeM perlu mencetus perubahan budaya kerja UTeM kepada yang bersesuaian dengan visi dan misi yang dikehendaki. Transformasi ini perlu terpimpin dengan strategi-strategi yang jelas dan pelaksanaan melalui kepimpinan individu dan secara berpasukan (berjemaah).”

Menjadi hasrat kita, bahawa PINTAR mengukuh kefahaman-penghayatan oleh semua warga UTeM kepada visi,misi dan strategi UTeM.

Persoalan yang timbul lanjutan dari itu, apakah mungkin perubahan sebegitu besar dapat dilaksanakan oleh sumbangan-penglibatan segelintir yang kecil atau kumpulan tertentu dari warga keluarga UTeM sahaja? Sudah pasti kuantiti dan kualiti KEPIMPINAN dalam ertikata yang luas (semua peringkat dan bidang) yang terhasil dari sumbangan individu dan secara berjemaah yang terpimpin dengan strategi yang disepakati akan mempercepatkan transformasi yang amat diperlukan ini.

Maka, keupayaan jumlah yang kritikal warga keluarga UTeM untuk memantapkan dan meningkatkan amalan kepimpinan, bersepakat-syura dan kerja secara berpasukan (berjemaah) ke tahap yang lebih tinggi amat diperlukan.

Saya ingin ucapkan taniah kepada mana-mana pimpinan dan warga keluarga UTeM yang meneruskan agenda perubahan dan membina terus susulan dari rumusan dan pelan tindakan yang dicetuskan semasa PINTAR masing-masing. Seperti kita telah perkatakan sebelum dan semasa PINTAR, inisiatif ini adalah untuk memudahkan proses perubahan ke arah mencapai visi, misi dan strategi-strategi UTeM.

UNIVERSITI TEKNIKAL MA

Juga mesej dari aktiviti-aktiviti utama semasa PINTAR : Perkuatkhan dan tingkatkan KEPIMPINAN, INOVASI, KERJA BERPASUKAN (BERJEMAAH) dan BUDAYA KERJA CEMERLANG di kalangan warga keluarga UTeM. Hidupkan dan suburkan budaya kerja yang berteraskan AQIDAH (Keyakinan) yang jitu, faham dan amal IBADAH yang meluas dan AMAL secara berjemaah (berpasukan).





Soalan: Apakah kaedah pembelajaran yang digunakan dalam PINTAR? Apakah cabaran bagi mencapai keberkesanan melalui kaedah tersebut?

Kaedah pembelajaran yang digunakan dalam PINTAR adalah Pembelajaran Melalui Pengalaman (Experiential Learning) yang melibatkan gerak kerja individu dan secara berpasukan. Pendekatan pembelajaran ini berandaian peserta PINTAR mempunyai ciri-ciri "pelajar dewasa" yang mempunyai pengalaman dan berupaya berfikir secara matang untuk membuat rumusan pembelajaran tersendiri.

Pengalaman boleh mengajar dan melatih keupayaan berfikir; kadang-kadang sesuatu diluar jangkaan untuk menyelesaikan masalah. "Pelajar dewasa" mampu belajar dari pengalaman dan pembelajaran baru dapat dicapai apabila suatu pengalaman diproses secara individu dan kolektif.

Pembelajaran dewasa akan lebih berkesan secara kolektif, mereka mahu didengari dan mendengar, berbincang, bertukar ilmu dan pendapat, mencuba sesuatu dalam situasi selamat (simulasi) untuk mendapat keyakinan diri dengan keadaan baru. Sesi "debriefing" (imbas kembali) membantu memurnikan pembelajaran daripada aktiviti yang dilalui.

Aktiviti berpasukan yang dipilih untuk PINTAR hanya merupakan "proses" untuk memantap "kandungan" pembelajaran. Setiap aktiviti yang dipilih mempunyai objektif tertentu. Semasa sesi imbasan kembali tumpuan adalah kepada prinsip dan "kandungan pembelajaran" yang utama yang boleh membantu menjelaskan tujuan pembelajaran aktiviti dan program keseluruhan.

Dari pengalaman pengendalian PINTAR sehingga hari ini, ternyata prestasi dan pencapaian pasukan-pasukan dalam PINTAR berlainan dalam sesuatu PTj dan di antara satu PTj dengan PTj yang lain. Prestasi itu dipengaruhi oleh tahap keupayaan pasukan-pasukan yang dibentuk semasa program dan keupayaan warga keluarga PTj tersebut untuk mengamalkan prinsip kepimpinan dan kepengikutkan dengan secara berkesan.



Pengalaman boleh mengajar dan melatih keupayaan berfikir; kadang-kadang sesuatu diluar jangkaan untuk menyelesaikan masalah. "Pelajar dewasa" mampu belajar dari pengalaman dan pembelajaran baru dapat dicapai apabila suatu pengalaman diproses secara individu dan kolektif.

Seperkara yang menjadi tanda tanya dan cabaran kepada fasilitator: Sejauh manakah peserta sesuatu kursus itu memenuhi ciri-ciri "pelajar dewasa" yang matang? Di sinilah terhasilnya kelainan tahap pembelajaran oleh peserta sendiri. Fasilitator pula perlu memilih dengan sedar di antara melayani tekanan dalaman sendiri untuk membantu peserta dengan komen dan jawapan dari teks yang disediakan atau mengeluarkan pembelajaran dari peserta dengan terus menggunakan soalan-soalan yang fokus dan yang boleh membantu peserta mencapai pembelajaran dengan sendiri.

Pihak fasilitator juga biasa menerima kelainan hujah dan rumusan berkaitan sesuatu aktiviti dilihat dari perspektif peserta. Ini dianggap sesuatu yang biasa ketika mengendali pembelajaran pelajar dewasa. Apa yang diperlukan adalah usaha untuk terus memudah cara sehingga rumusan pembelajaran utama dan prinsip-prinsip dari pengalaman aktiviti tersebut terhasil.

Walau apapun dinamik pasukan yang berhasil, sebagai fasilitator untuk program "pelajar dewasa", kita masih berkeyakinan insan berupaya berubah dan ingin mempelajari sesuatu (walaupun tidak mencapai tahap kematangan tinggi yang diharapkan pada sesuatu ketika)....dan untuk suatu perubahan kendiri yang betul-betul berkesan, ianya bermula dengan kesedaran kendiri (self-awareness) bukan hanya mencukupi dengan pengisian mental sahaja. Atau dengan istilah yang lebih tepat, keimanan yang mendalam akan membawa amal dan perubahan yang berterusan.





Terdapat tiga teras pembangunan dalam PINTAR: Rohani, Akal dan Jasad. Walaupun aktiviti-aktiviti dalam dewan tumpuan lebih pada pembangunan akal, luar dewan kepada jasad dan dalam bilik solat lebih kepada pembangunan kerohanian, sebenarnya terdapat pertindihan di antara ketiga-tiga teras pembangunan.

Semasa PINTAR, pengisian akal merangkumi sesi dengan Y. Bhg Datuk Naib Canselor untuk memperkuatkan misi, visi dan strategi UTeM serta sesi kuliah dalam dewan dan bilik solat. Memahami prinsip kerja dalam pasukan adalah pengetahuan yang perlu ada untuk mencapai mutu kerja yang tinggi semasa aktiviti berpasukan dalam dan luar dewan. Untuk pembangunan jasmani, terdapat aktiviti senaman dan berakit. Sesi pendekatan Islamiah dan rohaniah adalah penting sebagai teras ilmu yang terdapat semasa solat berjamaah dan sesi kuliah maghrib dan subuh.

Saya tertarik dengan konsep Pembangunan Insan Secara Sepadu yang dikaitkan dengan mengadakan program yang memberi pengisian kepada ketiga-tiga komponen secara sepadu. Sekiranya kita merangka pengisian yang merangkumi pembangunan ketiga komponen yang berteraskan Aqidah dan Keimanan yang mendalam, kita dalam proses menghasilkan Insan Kamil atau Insan Cemerlang.

Mesej di sini:

Teruskan dengan pembangunan Insan secara Sepadu (*Integrated Human Development*) di mana reka cipta dan kurikulum pembangunan insan yang sepadau diberi keutamaan.

Dari Abu Huralrah r.a.,
dari Nabi Muhammad s.a.w., sabdanya:
“bermula malam yang pertama dari
bulan Ramadhan .. menyerulah malaikat,
katanya: “Wahal orang-orang yang
mahukan kebakaran Tamillah
mengerjakannya dan wahal
orang-orang yang
hendak melakukan kejahatan! Berhentilah dari meneruskannya;
(ketahuilah),
Allah Taala banyak membebaskan
orang-orang yang dijanjikan dengan
neraka – daripada memasukinya”.
Seruan dan keampunan yang demikian,
diberikan pada tiap-tiap malam (dalam
bulan Ramadhan).”
(Riwayat Tirmidzi dan Nasai’)

Dari Abu Huralrah r.a., dari
Nabi Muhammad s.a.w. sabdanya:
“Seslapan yang mengerjakan puasa
bulan Ramadhan dengan keadaan
beriman dan mengharapkan rahmat
Allah Taala,
nescaya dilampunkan baginya
dosa-dosanya yang telah lalu”
(Hadith Sahih – Riwayat Bukhari dan
Muslim)

Kursus Pengukuhan Jati Diri Insan Dinamik

**Bantu Tingkatkan
Kecemerlangan
Dan Profesionalisme**

oleh : Mohamad Yusof bin Mohamad Dan

Dalam era globalisasi masa kini, penjawat awam berdepan dengan pelbagai cabaran bagi melaksanakan hasrat kerajaan untuk memartabatkan sektor awam di Malaysia setanding dengan sektor awam negara-negara maju. Untuk tujuan itu pelbagai kayu ukur diperkenalkan, seperti NKRA, KPI dan sebagainya. Dalam konteks UTeM sebagai IPTA Teknikal di Malaysia, para ilmuan dan pentadbir perlu berusaha bersungguh-sungguh memerah intelektual dan keringat bagi memastikan kecemerlangan universiti.



Dalam menghadapi cabaran ini, staf UTeM perlu disediakan dari segi intelektual, emosi, fizikal dan yang paling penting pembangunan kerohanian mereka. Ini kerana cabaran yang mendarat sekiranya tidak ditangani dengan sebaik mungkin akan menyebabkan mereka berdepan dengan tekanan hidup yang semakin membimbangkan. Tekanan ini jika tidak diuruskan dengan sebaiknya akan mengundang lebih banyak konflik kehidupan yang bakal mengundang masalah kepada individu seperti hilang ketenangan, kebahagiaan hidup, kesihatan terganggu, lemah daya fikir, kemurungan dan sebagainya. Organisasi juga akan turut mengalami kesannya seperti penurunan produktiviti dan kualiti kerja, masalah disiplin, tidak amanah dalam pekerjaan dan menggugat keharmonian organisasi.

Menyedari kepentingan ini, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah membangunkan satu modul kursus yang dikenali sebagai Kursus Pengukuhan Jati Diri Insan Dinamik. Kursus ini merupakan satu pendekatan holistik dalam membina dan mengukuhkan kualiti dalaman peserta yang akan mempengaruhi sikap, sistem kepercayaan, perilaku, tindakan, budaya kerja dan prestasi kehidupan. Modul-modul dalam kursus merupakan gabung jalin keilmuan dan pendekatan tradisi dengan sains moden dalam meneroka dan membangunkan potensi diri manusia ke arah meningkatkan kecemerlangan dan profesionalisme dalam kerjaya dan kehidupan.

Dari segi pengisian program, Kursus Pengukuhan Jati Diri Insan Dinamik ini diisi dengan pelbagai aktiviti yang bertujuan memberi kerangka besar kehidupan dan secara khususnya mengukuhkan kualiti dalaman diri peserta untuk diaplikasi di tempat kerja dan kehidupan sehari-hari. Format program dibuat dalam bentuk pembentangan dan perbincangan di dalam kumpulan serta turut dimantapkan dengan solat berjemaah, zikir munajat dan diselang-seli dengan aluan selawat sebagai kaedah dalam membangunkan dan memantapkan kerohanian peserta.





Walau bagaimanapun pembangunan modul mengikut kumpulan sasaran telah dibuat oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia melalui beberapa sesi perbincangan bersama pihak perunding dan Tuan Pendaftar. Di samping itu, bagi memantapkan lagi program ini sesi mendapatkan maklumbalas juga telah dibuat dengan peserta-peserta yang pernah menghadiri kursus ini.

Secara tentatifnya, program dimulakan dengan solat maghrib berjemaah, zikir munajat dan tazkirah tentang kehidupan sebagai ibadah. Slot malam pertama diisi dengan pembentangan oleh penceramah bertajuk "Hala Tuju Kehidupan Insan Sebagai Khalifah & Hamba dan Kesepadanannya Dengan Kehidupan Dunia Akhirat" dan "Integrasi Iman, Islam & Ihsan Sebagai Teras Kecemerlangan". Hari kedua dimulakan dengan Solat Subuh berjemaah serta tazkirah tentang kepentingan penyucian jiwa sebagai sumber kekuatan spiritual. Peserta-peserta juga didedahkan dengan riadah senaman pernafasan dan tafakur sebagai satu kaedah untuk mencapai ketenangan. Ceramah hari kedua dimulakan dengan tajuk "Penghayatan Syahadah – Menjana Integriti & Kompetensi" dan "4 Faktor Penghalang Kecemerlangan dan Kaedah Menanganinya". Slot petang hari kedua diisi dengan program "Tafakur Alam" yang dijalankan di kawasan berhampiran air terjun sebagai satu kaedah untuk mengajak peserta memikirkan dan menjiwai kebesaran, keagungan dan keindahan Allah melalui alam ciptaanNya. Slot malam pula diisi dengan ceramah dan tayangan slide tentang "Akhlak Rasulullah Sebagai Sumber Penghayatan Ihsan Dalam Kehidupan". Hari ketiga pula dimulakan dengan qiamullail dan solat subuh berjemaah serta tazkirah bertajuk "Transformasi Diri Menuju Redha Ilahi". Kemudian diadakan bengkel, pembentangan dan rumusan kursus sebelum ditutup dengan Doa Munajat.

Dalam menghadapi cabaran ini, staf UTeM perlu disediakan dari segi intelektual, emosi, fizikal dan yang paling penting pembangunan kerohanian mereka. Ini kerana cabaran yang mendarat sekiranya tidak ditangani dengan sebaik mungkin akan menyebabkan mereka berdepan dengan tekanan hidup yang semakin membimbangkan.




Kursus Pengukuhan Jati Diri Insan Dinamik ini, pertama kalinya diadakan pada 23 November 2010 melibatkan seramai 30 orang Juruteknik dari pelbagai Pusat Tanggungjawab. Kursus kendalian Irsyad One Resources ini telah diadakan selama 3 hari 2 malam di Agrotek Garden Resort, Hulu Langat. Resort yang berkonsepkan Taman Hutan Tropika dengan reka bentuk dan ciri-ciri chalet berdasarkan alam semula jadi sangat sesuai dengan modul Kursus Jati Diri, dan sehingga Julai 2011 kursus ini telah dijalankan sebanyak 7 kali.

Kumpulan Sasaran

	Tempat	Tarikh
Juruteknik	Agrotek Resort Garden Hulu Langat, Selangor	23 – 25 Nov 2010
Pentadbir	Agrotek Resort Garden Hulu Langat, Selangor	10 – 12 Dis 2010
Pentadbir	Agrotek Resort Garden Hulu Langat, Selangor	28 – 30 Jan 2011
Pembantu Am Pejabat	Agrotek Resort Garden Hulu Langat, Selangor	11 – 13 Feb 2011
Pembantu Am Pejabat dan Pekerja Awam	Agrotek Resort Garden Hulu Langat, Selangor	08 – 10 Apr 2011
Pembantu Tadbir Perkeranian dan Operasi	Gunung Ledang Resort, Tangkak	24 – 26 Jun 2011
Pensyarah	Gunung Ledang Resort, Tangkak	01 – 03 Jul 2011

Statistik Program



Pelaksanaan program ini telah mendapat maklum balas positif daripada peserta program. Dari statistik yang diperolehi, program ini telah mendapat respon yang sangat positif dari kebanyakan peserta sehingga dapat diaplikasikan dalam pekerjaan dan kehidupan seharian mereka. Berikut dinyatakan statistik keseluruhan program yang telah dirumuskan:

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia amat komited dalam penganjuran program ini. Program ini juga sebagai satu langkah inovasi HRD dalam pembangunan sumber manusia yang sebelum ini tertumpu kepada program intelektual dan fizikal. Selaras dengan hasrat Yang Berbahagia Naib Canselor UTeM demi melahirkan pekerja yang seimbang pemangkin kepada kecemerlangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, kursus ini diharap dapat membantu merealisasikan harapan tersebut.

*Wahai diriku, tahukah
engkau bahawa Ramadhan adalah bulan
tertambatnya syaitan kerana kelaparan.
Kelaparan itulah tali yang menambat syaitan,
bukan tali yang lain. Dengan kelaparan ia
menutup pintu syaitan untuk memasuki daerah
menuju qalibmu, maka mereka tertambat pada
kesempitan kelaparan. Kelaparan mampu membuka
kelazatan rohani, membuka pintu ilmu yang sangat luas.
Jika engkau ingin mencari kebahagiaan rohanimu, engkau
perlu mengenal dan mendintal kelaparan.*

*Ramadhan merintis jalan latihan dan tarbiyahmu mencari
cinta Allah. Jadikanlah setiap hari mendatangmu nanti
sebagai hari-hari Ramadhan dalam hidupmu. Kelaparan
yang engkau alami itu engkau gantikanlah ia dengan
santapan rohani sehingga engkau merasakan
kecukupan dengannya. InsyaAllah jadikan pencarian
zurniaan Lailatul Qader pada malam-malam di
bulan Ramadhan tahun ini seterusnya sebagai
pencarian Lailatul Qadar yang berterusan dan
berkekalan setiap waktu dalam baki hayat
hidupmu.*

اویوم رسیتی تیکنیکی كل ملیسیا ملاکو
aka

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Siti Marziana binti Sarif Jufri bin Mohamad Nor Nurhayati binti Mohd Shariff Sulaina binti Kamardin @ Kamarudin
 Saharuddin bin Shrif Mohd Iqmallullail bin Roowah Nor Hairulazuan bin Zahari Haaleen binti Kaharudin Zulkifli bin Md Yassin
 Ramasamy A/L Annachacam Noraini binti Buang Azizol bin Pet Borhan bin Mohd Yusof Afandi bin Aziz Zulkifli bin Mohd Rasid
 Suhaimi bin Md. Zin Rosal bin Abdullah Azmi bin Ghazali Mohd Hamdan bin Abdul Talib Norma Hayati binti Hashim Marsitah binti Abu Bakar
 Sawiah binti Mamat @ Ahmad Ruslan bin Abu Bakar Nur Fazilah binti Mohd Kassim Abdul Jalil bin Mohamed Abdul Razak Bin Abdul Samat
 Hasimah binti Hashim Hang Jebat bin Abdul Rahman Ahmad Fitri bin Abu Bakar Idris bin Md. Nor
 Ahmad Faizi bin Omar Yahaya bin Mohd Amin Mustafa bin Ibrahim Mohd Shahrul Nizam bin Shukor Syahirul bin Mohamed Nordin Asiah binti Ahmad
 Salleh bin Ahmad Azhar bin Ismail Mohd Ferdaus bin Abdullah Zakaria bin Aziz
 Nor Hanizah binti Sapuan Lindaerdani binti Raman Fadzlin binti Amzah Norashani binti Ismail
 Mohd Hairull bin Abdolah Norashikin binti Johari Siti Norhasimah binti Mohamad Laily
 Nurul Haina binti Abu Bakar Razak bin Pin Zahruddin bin Othman Mohd Hanoff bin Othman
 Saiful Anuar bin Mohamad Ratnasaerah binti Azis Izwan bin Mohamed Zahirudin bin Mokhtar
 Mohd Khairul Izam bin Harun Norhida binti Md. Said Narawi bin Jon Mohammad Fatul Ariffin bin Ahmad
 Raja Atmi bin Raja Ismail Hasan bin Sirun Siti Rohani binti Manan Kasron bin Basoth Mohd Afif bin Mohd Isa
 Omar bin Abdul Aziz Narsi bin Abu Bakar Junaidah binti Kasim
 Nordin bin Aman Mohd Riduan bin Jalil Noreliza binti Adam
 Mohd Nazrul bin Mohd Shafri Mohd Riduan bin Jalil Noor Asyikin binti Sulaiman Affendi bin Abu Bakar
 Mohd Khairul Izam bin Harun Norsuria binti Azis Mokhtar bin Muhammad
 Muhammad Shukaimi bin Abu Bakar Masri binti Hj. Awaludin Abdul Aziz bin Ayob @ Mohammad
 Khairul Arifin bin Md. Din Mahathir bin Mazinan Nadhia binti Gafar
 Mohd Adnan bin Mohd Nezar Elfa Laily binti Mohd Tahir @ Mohd Ramli Rabearatul Adawiyah binti Zakariah
 Mohd Reduan bin Ahmad @ Samad Norhayati binti Ahmad Roslan bin Akup Halimah binti Md. Yatim
 Mohd Reduan bin Ahmad @ Samad Azizi bin Abd Rasyid Roslan bin Akup Omar bin Abkar
 Norazahar bin Mohamed Wan Naerul Shukri bin Kamarul Baharin Daud bin Mohd Razali bin Ismail
 Daud bin Mohd Razali bin Ismail Misdom bin Lan Baharuddin bin Hassan
 Hisyamuddin bin Jamari Azmir bin Amzah Rahesta binti Abd. Rahman Jusni bin Johan
 Mohd Aris bin Md Saad Mohd Nizam bin Pavel Mohamad Yusof bin Mohamad Dan Abdul Ghafar bin Mohd Jadi
 Zainol bin Abdullah Masdzarif bin Mahat Mohd Asyraf bin Ashari Erdalia Erna binti Daud
 Redzuan bin Bakar Mustaffa bin Jamak Mohd Fairuz bin Zulkifli Siti Salawah binti Ahmad
 Redzuan bin Kamaludin Nurfadhiyana binti Rosli Siti Nurulfaiezah binti Mohd Yatim Azurah binti Ahmad
 Mohd Zaki bin Razali Amirul Rasyid bin Mohamad Naslinda binti Nasari Mohamad Razali bin Adduman Ithnain bin Majid @ Abdullah Ezra Anish binti Mustapa
 Hussin bin Duhadi Kamaruddin bin Ghazali Zaimi Bin Zol Mohd Asri bin Mohd Mokhtar Mohd Anas bin A'donar Gafar bin Othman
 Mohamad Pazir bin Md. Nor Normaliza binti Mustapa Mohamad Razali bin Adduman Azrina binti Alwi Rahim bin Sulaiman
 Ithnain bin Md. Jais Abdul Wahid bin Sulaiman, Kapt. (B) S. Kasahan bin Che Mat Muhamad Ihsan bin Md. Nor
 Zulkifli bin Ali Siti Nurjannah binti Ahmad Mohd Azmi bin Mat Said Sabhizam bin Maamin Abdul Razak bin Md Aris
 Mohd Zaidi bin Mohamed Siti Aisyah binti Daud Nadiyah binti Rahim Joratiza binti Juki Mohd Zulkifli bin Ismail
 Muhammad Khairul bin Mohamed Noor Surita binti Yusuf Muhammad Hazrul bin Md Esa Masliana binti Razali Hajar Suriati binti Othman
 Granasegaran A/L K. Thambymuthu Mohd Zarlian bin Zakaria
 Ismail bin Md. Nor @ Mohd Nor Khairul Nizam bin Minhat
 Arjunaidy bin Demek

Selamat Menjalani

Ibadah Puasa

&
Selamat Hari Raya
dengan penuh cinta & kebaikan

daripada

Pejabat Pendaftar

dari kepada warga
universiti

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA MELAKA
 daripada
 Pejabat Pendaftar
 universiti
 Daud bin Mohd Razali bin Ismail
 Hisyamuddin bin Jamari Azmir bin Amzah
 Mohd Aris bin Md Saad Mohd Nizam bin Pavel
 Zainol bin Abdullah Masdzarif bin Mahat
 Redzuan bin Bakar Mustaffa bin Jamak
 Redzuan bin Kamaludin Nurfadhiyana binti Rosli
 Mohd Zaki bin Razali Amirul Rasyid bin Mohamad
 Naslinda binti Nasari Mohamad Razali bin Adduman Ithnain bin Majid @ Abdullah
 Hussin bin Duhadi Kamaruddin bin Ghazali Zaimi Bin Zol Mohd Asri bin Mohd Mokhtar
 Mohamad Pazir bin Md. Nor Normaliza binti Mustapa Mohamad Razali bin Adduman
 Ithnain bin Md. Jais Abdul Wahid bin Sulaiman, Kapt. (B) S. Kasahan bin Che Mat
 Zulkifli bin Ali Siti Nurjannah binti Ahmad Mohd Azmi bin Mat Said
 Mohd Zaidi bin Mohamed Siti Aisyah binti Daud Nadiyah binti Rahim
 Muhammad Khairul bin Mohamed Noor Surita binti Yusuf Muhammad Hazrul bin Md Esa
 Granasegaran A/L K. Thambymuthu Mohd Zarlian bin Zakaria
 Ismail bin Md. Nor @ Mohd Nor

Skim Fellow

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

oleh : Norsuria binti Azis

Tujuan

Skim Fellow Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) adalah merupakan skim yang diwujudkan bagi menawarkan bantuan kepada bakal-bakal tenaga pengajar yang berkelayakan. Mereka yang berjaya mendapat tajaan tersebut boleh dipertimbangkan untuk menjawat jawatan pensyarah, sekembalinya mereka daripada pengajian di peringkat Sarjana atau PhD dengan jayanya.

Skim Fellow ini diwujudkan bagi memenuhi objektif-objektif berikut :-

1

Penyediaan tenaga sumber manusia yang mempunyai kelayakan akademik tertinggi yang relevan dengan keperluan pengajaran di Universiti

2

Memantap serta mengukuhkan pengetahuan dalam bidang-bidang pengkhususan dan kepakaran tertentu

3

Meryediakan suatu garis panduan yang jelas berkaitan Skim Fellow bagi bakal fellow akademik Universiti

4

Meryediakan proses kerja yang lengkap bagi pelaksanaan Skim Fellow di Universiti

Kelayakan & Kelulusan

اویورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاکو

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Permohonan Skim Fellow akan dipertimbangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Cuti Belajar. Syarat bagi membolehkan seseorang fellow layak dipertimbangkan skim ini adalah seperti dibawah :-

Syarat Lantikan

- Ijazah Sarjana Muda dengan kelulusan sekurang-kurangnya Kelas Kedua Tertinggi atau CGPA 3.0 ke atas atau Ijazah Sarjana yang diiktiraf;
- Kepujian Bahasa Malaysia di peringkat SPM/MCE;
- Telah menduduki peperiksaan IELTS dengan skor minimum 6.5 bagi mengikuti pengajian di luar negara.

Had Umur

- Berumur tidak lebih 35 tahun bagi ingin mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana;
- Berumur tidak lebih 40 tahun bagi yang ingin mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah.

Taraf Pelantikan

- Di sepanjang tempoh pengajian, taraf pelantikan fellow yang dipertimbangkan Skim Fellow akan dikira sebagai pelajar (Fellow).

Ikatan Perjanjian

- Fellow akan terikat untuk berkhidmat dengan Universiti berkuatkuasa mulai tarikh fellow melapor diri sebagai staf Universiti.
- Fellow dikehendaki menandatangani Perjanjian Cuti Belajar dan terikat untuk berkhidmat dengan Universiti setelah tamat pengajian selama tempoh yang ditetapkan. Tempoh ikatan perjanjian dan jumlah ganti rugi adalah seperti dalam dokumen perjanjian.
- Sekiranya fellow tidak menandatangani atau menyempurnakan perjanjian ini selewat-lewatnya 1 bulan sebelum fellow mendaftar pengajian, maka kelulusan Cuti Belajar ini boleh terbatal.

PEMAKLUMAN DASAR/PERATURAN

Elaun

Elaun Peribadi dan elauan-elaun lain yang berkaitan akan dibayar oleh Universiti sepanjang tempoh pengajian yang diluluskan. Fellow perlu memaklumkan kepada pihak universiti sekiranya menerima Biasiswa atau sebarang bantuan kewangan dari luar semasa pengajian. Universiti atau Kementerian Pengajian Tinggi hanya membayar kadar perbezaan sekiranya bantuan luar yang diterima kurang daripada kadar biasiswa SLAB/SLAI. Sekiranya Fellow tidak melaporkan kepada Universiti mengenai perkara ini, biasiswa dan cuti belajar akan ditamatkan.

Pasangan suami-isteri yang mengikuti kursus yang sama di Universiti yang sama dan tinggal bersama atau mengikuti kursus di Universiti yang berlainan tetapi tinggal bersama, maka salah seorang darinya akan diletakkan di bawah Program Spouse.

Elaun-elaun dan bantuan yang terlibat:




Skim Fellow telah diiklankan kepada umum pada 19 Jun 2011 dan telah berakhir pada 11 Julai 2011. Bahagian Cuti Belajar telah menerima sebanyak 225 permohonan dimana sebanyak 188 bagi pengajian Sarjana dan 37 bagi pengajian PhD. Permohonan ini akan disaring di peringkat Fakulti dan diikuti dengan temuduga oleh Jawatankuasa Cuti Belajar.

Peringkat Pengajian	Fakulti							Jumlah
	FTMK	FTK	FKEKK	FKP	FKM	FKE	FPTT	
Sarjana	13	8	23	33	37	29	45	188
PhD	10	4	2	7	2	2	10	37
Jumlah	23	12	25	40	39	31	55	225


STATISTIK PERMOHONAN SKIM FELLOW MENGIKUT PENGAJIAN TAHUN 2011

CARTA PERATUSAN PERMOHONAN SKIM FELLOWSHIP SARJANA & PhD MENGIKUT FAKULTI



PEMAKLUMAN DASAR/PERATURAN

Berikut adalah carta alir dan prosedur permohonan Skim Fellow bermula dari mengisi borang permohonan sehingga membuat persediaan sebelum cuti belajar.



Std.1

1. Isi Borang Permohonan Fellow
2. Perlu memastikan permohonan lengkap dengan dokumen sokongan seperti dibawah;
 - i. Surat Tawaran Pengajian (tidak bersyarat)
 - ii. Gambar Berukuran Pasport
 - iii. Cadangan Penyelidikan (PhD)
 - iv. Salinan Kad Pengenalan
 - v. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
 - vi. Salinan Keputusan IELTS/TOEFL
 - vii. Salinan Sijil Ijazah Sarjana Muda Dengan Transkrip dan/atau Salinan Sijil Ijazah Doktor Falsafah Dengan Transkrip

Std.2

1. Menetapkan tarikh temuduga
2. Mengeluarkan Surat Jemputan Jawatankuasa Cuti Belajar
3. Mengeluarkan Surat Jemputan Temuduga
4. Menyediakan format rujukan Jawatankuasa Cuti Belajar
5. Menyediakan Kemudahan Bilik Temuduga dan "Refreshments"
6. Menyusun atau Giliran Temuduga

Std.3

1. Mengeluarkan Surat Keputusan Jawatankuasa Cuti Belajar
2. Mengeluarkan Surat Tawaran Beserta Dokumen Seperti Dibawah;
 - i. Perjanjian Fellow (5 Salinan)
 - ii. Panduan Perjanjian Fellow
 - iii. Syarat-syarat Fellow
 - iv. Surat Setuju Terima Tawaran & Syarat Fellow
 - v. Borang Tempahan Kapal Terbang (Jika Perlu)
 - vi. Borang Maklumat Diri Di Tempat Pengajian
 - vii. Borang Laporan Kemajuan

Std.4

1. Jika Setuju Terima Tawaran, Serahkan ke Pejabat Pendaftar Dokumen Seperti Dibawah;
 - i. Perjanjian Fellow Yang Telah Ditandatangani Dengan Lengkap (5 Salinan)
 - ii. Surat Setuju Terima Tawaran & Syarat Fellow
 - iii. Borang Tempahan Kapal Terbang (Jika Perlu)

Std.5

1. Menguruskan Tempahan Kapal Terbang (Jika Berkaitan)
2. Membuat Permohonan Pembayaran
 - i. Elaun-elaun Cuti Belajar
 - ii. Visa dan Pasport
 - iii. Elaun Perpindahan
 - iv. Elaun Pakaian Panas
 - v. Dan lain-lain pembayaran yang berkaitan

Tetamu kita

TETAMU KITA...

Seramai 19 pegawai dan kakitangan Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Durian Tunggal, Melaka diketuai Timbalan Pendaftar Masdzarif Mahat mengadakan lawatan sehari ke Kumpulan Media Karangkraf bagi mendalami proses penerbitan majalah dan akhbar Sinar Harian. Mereka juga dibawa mengikuti dan melihat proses penerbitan bahan bacaan terbitan Karangkraf sebelum dialihdiri lawatan ke bahagian pencetakan. Kesempatan juga digunakan mendapatkan penerangan dan khidmat nasihat daripada editor berpengalaman bagi penerbitan mereka, Buletin Teras.



"Tetamu Kita" keratan Akhbar Sinar Harian pada 21 Jun 2011

UTeM Lawatan ke Kumpulan Media Karangkraf

oleh : Nurhayati binti Mohd Shariff

A photograph of a modern, multi-story building with a white facade and a purple horizontal band containing the text "KUMPULAN MEDIA Karangkraf". Above the entrance, there is a circular logo for "UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA" and the university's name in English and Arabic. The sky is clear and blue.

Pada 20 Jun 2011, satu lawatan telah diadakan oleh Sidang Redaksi Buletin Pejabat Pendaftar – TERAS ke Kumpulan Media Karangkraf yang terletak di Shah Alam. Rombongan seramai 16 orang diketuai oleh Ketua Editor, Encik Masdzarif bin Mahat bertolak dari UTeM jam 7.45 pagi dengan menaiki bas UTeM dan tiba di Kumpulan Media Karangkraf jam 9.45 pagi.

Premis berwarna ungu yang diduduki pada penghujung 2002 ini adalah satu-satunya yang dikuasai oleh bumiputra kerana ia terletak di dalam kawasan yang dikelilingi oleh syarikat perusahaan asing seperti Syarikat Perusahaan Kereta Volvo, Toyota dan lain-lain.

Kami dibawa berkumpul di Auditorium untuk sesi penerangan ringkas oleh wakil syarikat. Serba ringkas beliau memaklumkan bahawa sepanjang sesi lawatan, kami akan dibawa melihat semua proses penghasilan sesebuah majalah/akbar bermula proses pencarian bahan, editorial, grafik sehingga percetakan. Ditemani oleh Cik Nor Zalinah, wakil pihak Kumpulan Media Karangkraf, kami melihat sejarah penubuhannya dari awal sehingga pencapaian terkini di dinding sejarah yang dihiasi gambar berwarna-warni berserta info yang berkaitan perjalanan penubuhannya.



Ketibaan staf UTeM ke Kumpulan Media Karangkraf



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Penerangan ringkas oleh wakil syarikat Kumpulan Media Karangkraf

Seterusnya kami dibawa ke Aras 1, Jabatan Editorial untuk melihat kerja-kerja para wartawan yang ditempatkan di ruang kerja khas untuk mereka menghasilkan karya penulisan yang diperolehi setelah selesai sesi '*assignment*' luar. Terdapat satu unit sokongan di jabatan ini yang dikenali sebagai Unit Ilustrasi di mana ia berfungsi untuk menghasilkan lukisan yang berkaitan dengan isu yang akan diterbitkan.

Di Bahagian Editor pula, semua bahan penulisan oleh wartawan akan dibaca oleh editor sebelum sebarang pembetulan dibuat supaya bahan yang dikeluarkan tidak melanggar undang-undang yang ditetapkan berhubung dengan penerbitan sesuatu artikel. Selepas proses '*penapisan*' ini dibuat, bahan akan dihantar ke Bahagian Grafik.

Bergerak ke Aras 2, kami ke Bahagian Grafik. Bahagian ini melaksanakan proses penetapan '*lay out*', reka bentuk, pengeditan gambar, warna dan lain-lain. Bahagian ini perlu menyiapkan semua proses kerja terlibat dalam tempoh 2 minggu sebelum cetakan dibuat. Seterusnya kami dibawa ke ruang kerja Akhbar Sinar Harian di mana para wartawan dari setiap negeri di tempatkan. Langkah kami diteruskan ke Kafeteria untuk menjamu selera sementara menanti ketibaan pengasas Kumpulan Media Karangkraf iaitu Dato' Hussamuddin Yaacub. Menjamu selera bersama-sama kami, beliau mula bercerita. Berbekalkan ilmu yang ada, beliau tidak lokek untuk berkongsi idea mengenai isu-isu penerbitan akhbar dan majalah serta pengalamannya berkecimpung dalam industri penerbitan dan percetakan negara. Sesungguhnya masa kami bersama beliau dirasakan begitu berharga kerana banyak nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan kepada kami dalam menghasilkan karya yang baik.

AKTIVITI

Setelah selesai sesi bersama Dato' Hussamuddin, kami dibawa ke bahagian terakhir iaitu Bahagian Percetakan. Di sini kami melihat proses mencetak akhbar, majalah & risalah yang beroperasi 24 jam. Penggunaan mesin yang pelbagai saiz dengan teknologi terkini menjadikan Kumpulan Media Karangkraf berjaya dalam bidang penerbitan dan percetakan kerana menghasilkan bahan yang berkualiti & menepati sasaran. Kini, Kumpulan Media Karangkraf berbangga dengan pencapaiannya sekarang dengan penghasilan 28 jenis majalah dan pelbagai bahan bacaan/akhbar lain.

Lawatan kami diakhiri dengan kunjungan ke kedai buku Kumpulan Media Karangkraf dan kami mengambil kesempatan mendapatkan pelbagai koleksi terbitan syarikat ini dengan potongan 10% selain menerima cenderamata daripada pihak mereka. Rombongan bertolak pulang jam 1.45 tengah hari dan tiba di UTeM pada jam 4.30 petang.



"Dinding Sejarah" perjalanan penubuhan Kumpulan Media Karangkraf

AKTIVITI



Ruang kerja para wartawan



Ahli Sidang Redaksi bergambar bersama Gayour

Antara hasil lukisan Gayour



Taklimat ringkas dari wakil Bahagian Editor

Wahai diriku...

Mengapa engkau kelihatan lemah... letih... lesu... seperti engkau ingin memperlihatkan kepada orang lain bahawa engkau sedang berpuasa... Engkau hanya memalukan dirimu lebih malang lagi kebaikan agamamu menjadi keliru di mata orang lain. Bahkan sejarah Nabimu membuktikan bagaimana saudara-saudaramu (tentara Islam) tidak dapat dikalahkan dalam mana-mana peperangan yang berlaku ketika mereka sedang berpuasa (di bulan Ramadhan).

Wahai diriku...

... bangkitlah... bangunlah pada waktu engkau sedang berpuasa inilah engkau mesti memberi yang terbaik dalam mencari ganjaran jauh lebih baik dan diberkati yang disandarkan kepada kualiti dan produktiviti amalan kerja yang engkau hasilkan. Jadikan amalan puasa sebagai motivasi terbaik anjakan kepada perubahan dan penambahbaikan yang berterusan. Jika ganjaran di dunia yang terhad dan terbatas, engkau jadikan dorongan untuk engkau menjadi pekerja yang K-profesional, mengapa imbalan ganjaran dari Allah yang tidak termilai dan terbatas tidak engkau jadikan dorongan terbaik.

Wahai diriku...

sedarkan engkau bahawa di bulan Ramadhan ini, setiap waktu, hari, jam, minit, saat atau detik pekerjaan dan usahamu diberkati dan dirahmati, malah jika engkau tidak berbuat apa-apa dan tidur sekalipun, tidurnu itu diberkati. Malangnya, mengapa engkau salah mentafsir perkara ini apabila engkau lebih suka 'tidur' daripada 'bekerja' bersungguh-sungguh. Mengapakah engkau berjiwa lemah dengan memilih 'tidur' daripada berjiwa besar dengan memilih untuk bekerja semaksimum mungkin mengejar keberkatan dan ganjaran yang tidak terjangkau sesuai dengan janji Allah.

Wahai diriku...

Jadikan motivasi puasamu membajak jiwa besarmu. Hanya dengan jiwa besarmu, engkau mampu melakukan perubahan, penambahbaikan malah mentransformasi diri dan tempat pekerjaanmu, InshaAllah...

....aku...

Coretan

Aktiviti Bahagian Kesejahteraan Personel

oleh : Muhamad Hazrul bin Md Esa K.B, P.A (Mal)

2 JUN 2011

Program	: Motivasi Bulanan
Tajuk	: Wanita : Anggun Bermaruah
Skop Kupasan	: Gangguan Seksual di Tempat Kerja
Penceramah	: Puan Norazimah binti Ibrahim
Tempat	: Auditorium Canselori
Masa	: 9.00 pagi hingga 11.30 pagi

Gangguan seksual di tempat kerja bukanlah sesuatu yang asing bagi kita. Acapkali kita disajikan dengan berita di dada-dada akhbar berkenaan dengan gangguan seksual di tempat kerja. Kebanyakan mangsanya adalah wanita, namun ada juga gangguan di kalangan lelaki, hanya tidak terlalu didedahkan atas faktor-faktor peribadi. Mangsa wanita pula tidak terarah kepada satu peringkat umur sahaja. Tidak kira yang muda, mahupun yang berusia, mereka terdedah menjadi mangsa. Justeru, atas faktor memberikan maklumat dan pengetahuan tentang gangguan seksual di tempat kerja khas untuk staf wanita, satu Motivasi Bulanan dijalankan dengan tajuk Wanita : Anggun Bermaruah. Ceramah telah disampaikan oleh Puan Norazimah binti Ibrahim, Pegawai Psikologi dari Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kuala Lumpur.

Ceramah ini mengupas tentang salahlaku gangguan seksual di tempat kerja. Penceramah juga mengambil inisiatif menerangkan tentang ciri-ciri gangguan seksual serta jenis-jenis ata kategori gangguan seksual. Peserta juga diberikan penerangan akan cara mengenalpasti keadaan atau situasi yang boleh diklasifikasikan sebagai gangguan seksual. Peserta juga didedahkan dengan tindakan yang perlu diambil sekiranya mereka telah digangu secara seksual di tempat kerja. Tindakan yang diambil juga perlu mengikut kategori gangguan yang diterima serta perhubungan antara mangsa dan pelaku, sama ada sesama pekerja, antara pekerja dan majikan atau ketua, dan gangguan dari individu luar. Peserta juga diterangkan dengan info berkaitan undang-undang terhadap salahlaku gangguan seksual ini.

*wanita:
anggun
bermaruah*



6 JUN 2011

Program	: Motivasi Bulanan
Tajuk	: Motivasi Kerja : 'Baguskah Aku?'
Skop Kupasan	: Motivasi Kerja
Penceramah	: Encik Mohd Akmal bin Mustapa
Tempat	: Auditorium Canselori
Masa	: 9.00 pagi hingga 11.30 pagi

Lumrah kehidupan, ada masa pasang dan surutnya. Begitu juga senario ketika kita menjalankan tanggungjawab di tempat kerja. Ada ketikanya, semangat begitu membara. Berkobar-kobar melakukan tugas yang tersedia. Letih tidak terkira, namun kudrat masih digagahkan juar demi menyelesaikan tugas hingga ke penghujungnya. Namun, ada pula ketikanya, lemah dan lesu menguasai jiwa. Semangat bekerja hilang entah ke mana. Tiada daya menyiapkan laporan kerja. Mengangkat pen sebatang pun bagai terasa beratnya. Kita bagaikan hilang punca, tidak tahu di mana silapnya. Dan akhirnya, masa berlalu begitu sahaja, hingga ke sudah, tiada yang dilaksana.

Menyedari akan situasi begini yang seringkali menjenguk kita, Bahagian Kesejahteraan Personel mengambil inisiatif menjalankan Program Motivasi Bulanan dengan tajuk Motivasi Kerja : 'Baguskah Aku?'. Ceramah yang diberikan oleh Encik Mohd Akmal bin Mustapa, Pegawai Psikologi, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan ini mengupas akan faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi diri para pekerja iaitu persekitaran, sosial dan diri sendiri. Motivasi diri kebiasaananya hilang disebabkan individu tidak dapat berinteraksi dengan baik terhadap persekitarannya. Individu juga perlu mengawal serta menjaga perhubungan sosial antara dirinya dengan individu di sekelilingnya. Individu juga perlu mengawal dirinya dan sentiasa memastikan dia berada dalam lingkungan positif. Antara tajuk serta isu yang dikupas sepanjang program tersebut ialah tabiat kerja yang baik, mewujudkan hubungan mesra, membawa kegembiraan kepada orang lain, menukar kekurangan kepada kelebihan, kemaafan dendam yang terindah, tip-tip menaikkan semangat di waktu pagi, cara meningkatkan hubungan baik dan cara menguruskan ketua.

MOTIVASI KERJA: "BAGUSKAH AKU"



20 JUL 2011

- Program : Lawatan Kerja Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA), Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka ke Bahagian Kesejahteraan Personel.
- Ketua Lawatan : ASP Haji Zulkefli bin Ramli
- Jumlah Peserta : 6 orang (Ketua Cawangan Kaunseling YY14, 2 Pegawai Psikologi S41, 2 Penolong Pegawai Psikologi S27, seorang pelajar praktikal)
- Masa Lawatan : 2.30 petang hingga 5.00 petang

Lawatan Kerja Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA)



Tanggal 20 Julai 2011 yang lalu, Bahagian Kesejahteraan Personel telah menerima kunjungan dan lawatan kerja dari Bahagian Agama dan Kaunseling, Ibu Pejabat Kontinjen Melaka. Lawatan ini disertai oleh 5 orang staf BAKA serta seorang pelajar praktikal dan diketuai oleh ASP Haji Zulkefli bin Ramli. Lawatan ini berfokus kepada pengurusan Bahagian Kesejahteraan Personel merangkumi pengurusan sesi kaunseling dan staf bermasalah, pentadbiran bahagian, program-program anjuran bahagian serta permasalahan yang dihadapi dan solusi yang diambil. Perbincangan juga dibuat berkaitan dengan usahasama antara Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) serta Bahagian Kesejahteraan Personel (BKPs) bagi menjalankan program bersama di masa hadapan. Pihak BAKA menyatakan rasa minat dengan program-program anjuran BKPs terutamanya Program Motivasi Bulanan yang dirasakan amat ringkas dan mudah untuk disertai serta penggunaan tajuk-tajuk ceramah yang menarik.



Selesai sesi perbincangan dan perkongsian maklumat, kumpulan lawatan dibawa melihat sekitar pejabat BKPs serta melawat Bilik Terapeutik yang kini berwajah baru. Mereka dibawa mencuba kelengkapan yang disediakan seperti kerusi urut OSIM dan *punching bag*. Lawatan kerja ini diakhiri dengan penyampaian cenderahati dari kedua-dua belah pihak. Lawatan berakhir kira-kira jam 5 petang.



21 JUL 2011

Program	: Bengkel Kenali Diri Melalui Ujian Psikologi
Siri	: Siri 2/2011
Skop Kupasan	: Ujian Psikologi dan Kajian Tarikh Lahir (<i>Numerology/Sains Metafizik</i>)
Penceramah	: Encik Muhamad Hazrul bin Md Haa
Tempat	: Auditorium Canselor
Masa	: 9.00 pagi hingga 11.30 pagi

Bengkel Kenali Diri Melalui Ujian Psikologi

Bengkel Kenali Diri Melalui Ujian Psikologi Siri 2/2011 telah dijalankan pada 21 Julai 2011 yang lalu bertempat di Auditorium Canselor. Bengkel ini memberi ruang kepada para peserta untuk mengenali dengan lebih mendalam akar personaliti diri mereka. Bengkel kali ini terbahagi kepada 2 sesi. Sesi 1 adalah pengenalan diri menggunakan ujian psikologi manakala bagi sesi 2 pula adalah kajian tarikh lahir. Bagi ujian psikologi, inventori yang digunakan ialah Inventori Personaliti Eysenck dan Inventori Personaliti Warna. Bagi kajian tarikh lahir pula, pendekatan yang digunakan ialah menggunakan kaedah *numerology* atau sains metafizik. Kaedah kenali diri menggunakan kajian tarikh lahir adalah kali pertama dijalankan oleh Bahagian kesejahteraan Personel. Rata-rata peserta bermingat dengan kaedah yang digunakan dan mahukan bengkel berikutnya dijalankan di masa akan datang.




Kelebihan bulan Ramadhan dan keagungannya dengan adanya Malam Lailatulqadar yang dirahsiakan, sehingga mendapat keampunan dan pahala serta rahmat dan darjat tertinggi bagi orang yang berjaga mendapatkan malam Lailatulqadar dengan dipenuhi amal ibadat dan bertaqua kepada Allah disamping sembahyangnya yang sunat, istighfar, tasbih dan berzikir sepanjangnya.

UTeM

IPTA Pertama**Tawar Program Teknologi Kejuruteraan**

oleh : Mahathir bin Mazlan

Bermula pada Sesi Akademik 2011/2012 iaitu kemasukan pada bulan September 2011, UTeM akan menawarkan 10 program Teknologi Kejuruteraan dengan ambilan pertamanya iaitu seramai 570 orang. Antara serangkaian program Teknologi Kejuruteraan yang akan ditawarkan adalah seperti berikut:



KOD	NAMA PROGRAM
CY31	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) dengan Kepujian
CY32	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Automasi Industri & Robotik) dengan Kepujian
CY41	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) dengan Kepujian
CY42	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) dengan Kepujian
CY81	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer) dengan Kepujian
CY51	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif) dengan Kepujian
CY52	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Penyejuk dan Penyamanan Udara) dengan Kepujian
CY53	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Penyelenggaraan) dengan Kepujian
CY91	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Proses dan Teknologi) dengan Kepujian
CY92	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Reka Bentuk Produk) dengan Kepujian

Penawaran bagi program-program baru ini adalah dengan tempoh pengajian minimum 4 tahun/8 semester dan maksimum 6 tahun/12 semester secara sepenuh masa. Program-program baharu ini akan dilaksanakan oleh sebuah Fakulti baharu iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) yang turut sama diluluskan penubuhannya mulai tahun 2011.

Penawaran program-program Teknologi Kejuruteraan ini adalah selaras dengan objektif penubuhan Universiti-universiti Teknikal di bawah rangkaian Malaysian Technical University Network (MTUN) yang bertujuan untuk mendidik serta melatih tenaga manusia yang berkemahiran tinggi bagi menyumbang kepada perindustrian termaju negara (*world class industrial nation*) selain menjadi pemangkin strategi untuk mencapai negara berpendapatan tinggi.

Itu juga dijangkakan akan mengimbangi kekosongan pasukan profesional yang bernama Teknologis Kejuruteraan yang amat diperlukan oleh industri. UTeM merupakan Universiti Teknikal dan IPTA pertama yang akan menawarkan program Teknologi Kejuruteraan mulai sesi kemasukan tahun ini.

Untuk mendapatkan keterangan lanjut mengenai program Teknologi Kejuruteraan, sila hubungi:

Unit Kemasukan dan Rekod Pelajar**Bahagian Pengurusan Akademik****Pejabat Pendaftaran****Universiti Teknikal Malaysia Melaka****Hang Tuah Jaya****76109 Durian Tunggal****MELAKA****Telefon**: 06 331 6086 / 6078 / 6077 /
6073 / 6076**Faks**

: 06 331 6079

e-Mail

: bpa@utem.edu.my

Laman Web: <http://www.utem.edu.my>

Ramadan: Membentuk Kecerdasan Emosi

oleh : Muhamad Hazrul bin Md Esa K.B, P.A (Mal)

Ramadan kembali lagi menjengah kita. Pelbagai emosi tergambar dari raut wajah Muslimin. Ada yang gembira, ada juga yang berduka dan tidak kurang yang menyambutnya sekadar tradisi tahunan semata-mata. Sebahagian dari kita menjadikannya sebagai satu wadah memperbaiki diri, tidak kurang juga yang hanya menahan lapar dan dahaga tanpa sedikitpun manfaat dibawa bersama. Dengan jolokan Syahrul Shabir, bulan kesabaran, Ramadan menuntut kita untuk lebih sabar dalam mengawal diri serta emosi. Sedari awal pagi hingga matahari terbenam, kita perlu bersabar menahan lapar dan dahaga. Andai ada situasi yang menduga, perlu kita bersabar menghadapinya, mengelak dari menghambur kata nista, menahan diri dari berkelahi membabi buta.



Istilah sabar ini sememangnya dekat dengan kita sebagai seorang Muslim, namun tidak semua di antara kita faham dan menghargai kesabaran. Lebih menyedihkan apabila sifat terpuji ini dilihat sebagai satu kelemahan. Orang yang sabar dilihat sebagai individu yang mudah mengalah serta tidak berdaya walaupun sebenarnya sabar adalah sumber kekuatan setiap insan.

Sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Anfal ayat 66 yang bermaksud, *"Maka jika ada di antaramu seratus orang yang sabar, nescaya mereka akan dapat mengalahkan dua ratus orang musuh; dan jika di antaramu ada seribu orang (yang sabar), nescaya mereka akan dapat mengalahkan dua ribu orang musuh, dengan izin Allah. Dan Allah bersama orang-orang yang sabar."*

Sabar membawa pengertian yang sangat luas. Namun, dari pandangan Islam, secara umumnya para ulama menjelaskan bahawa sabar terdiri dari tiga aspek iaitu sabar menjalankan perintah Allah, sabar menahan diri dari larangan-Nya, dan sabar menghadapi ketentuan-Nya. Dapat dilihat konsep sabar ini secara keseluruhannya menyamai konsep dalam kecerdasan emosi (Emotional Intelligence).



Perkataan emosi berasal dari perkataan Greek 'emovere' yang membawa maksud 'untuk keluar'. Emosi akan ditonjolkan keluar sebagai satu bentuk bagi memenuhi kepuasan seseorang. Menurut Daniel Goleman (1996), emosi merujuk pada perasaan dan fikiran yang khas, suatu kombinasi keadaan biologi, psikologi dan tingkah laku. Emosi pada dasarnya adalah dorongan untuk bertindak. Biasanya emosi merupakan reaksi terhadap rangsangan dari luar dan dalam diri individu. Sebagai contoh emosi gembira mendorong perubahan rasa hati seseorang, sehingga secara fisiologi terlihat ketawa, emosi sedih mendorong seseorang bertindakbalas dengan menangis.

Daniel Goleman (1996) menyatakan bahawa kecerdasan emosi pula bermaksud keupayaan melihat, menyelami dan melahirkan emosi ke arah pembentukan pemikiran yang positif. Ia juga adalah keupayaan individu mengenalpasti serta memahami emosi yang dirasai sekaligus keupayaan mengawal emosi. Kecerdasan emosi individu diukur dari aspek bagaimana individu tersebut mampu memahami emosi yang dirasai, seterusnya bagaimana dia mengawal serta mengendalikan emosi tersebut dan akhirnya mengubah emosi tersebut kepada emosi serta pemikiran yang lebih positif.

Dari aspek psikologi, ibadah puasa dilihat sebagai satu permainan emosi dalam diri individu. Kecerdasan emosi individu diukur dari skop bagaimana individu mengawal emosinya yang tercetus dari dugaan-dugaan serta cabaran-cabaran yang perlu ditempuh sepanjang menjalani ibadah puasa demi memastikan matlamat berpuasa itu tercapai. Sebagai contoh, seorang pekerja yang diarahkan bertugas di tapak projek pembinaan tatkala beliau menjalani ibadah puasa. Terik dan bahang mentari penambah rasa haus dan lapar, namun perasaan tersebut perlu dikawal sebaiknya bagi memastikan beliau terus berpuasa sehingga waktu berbuka tiba. Rasa amarah juga mungkin akan timbul apabila diarahkan bertugas di bawah terik mentari sedangkan dalam keadaan beliau sedang berpuasa. Namun, individu perlu bijak dan memiliki kecerdasan emosi yang tinggi bagi memastikan emosi marah tersebut dapat dikawal sebaiknya.

Jika diperhalusi, kita dapat melihat bahawa kawalan emosi dalam kecerdasan emosi ini sama konsepnya dengan perlakuan sabar. Bersabar dengan dugaan yang mendarang, bersabar dengan tekanan dan bersabar dengan kesusahan. Seperti contoh tadi, pekerja tersebut perlu bersabar menahan rasa lapar dan haus serta bersabar mengawal dan menahan rasa marah yang terbit dalam diri. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. dikatakan bahawa Rasulullah S.A.W pernah bersabda, *"Orang yang kuat bukanlah orang yang pandai berlawan, namun orang yang kuat adalah orang yang mampu mengawal jiwanya ketika marah."*

Ibadah puasa juga membentuk kecerdasan emosi dari aspek kemampuan individu mengawal kemahuan dan kepuasan diri. Individu yang cerdas emosinya mampu mengawal dan menahan diri dari memenuhi kemahuan atau kepuasan dirinya manakala sebaliknya bagi individu dengan kecerdasan emosi yang rendah. Individu menahan diri dari memenuhi kemahuan atau kepuasan diri bagi mendapatkan ganjaran atau kenikmatan yang lebih maksima pada masa akan datang. Berpuasa menuntut individu menahan diri dari kemahuan untuk makan dan minum. Kawalan diri dari kemahuan tersebut memungkinkan individu menerima ganjaran lebih besar iaitu pahala serta kenikmatan yang berlipat ganda ketika berbuka puasa. Hal ini dibuktikan dengan kajian oleh Daniel Goleman ke atas kanak-kanak di Taman Kanak-kanak Stanford. Sebilangan kanak-kanak diberikan gula-gula di atas meja mereka. Mereka dibenarkan untuk terus memakan gula-gula tersebut. Namun, seandainya mereka tidak memakan gula-gula tersebut dan menunggu sehingga guru mereka masuk semula ke kelas, mereka akan mendapat tambahan sebiji gula-gula. Sebahagian kanak-kanak terus saja memakan gula-gula tersebut selepas peraturan dinyatakan, manakala sebahagian pula menunggu sehingga guru masuk semula ke kelas dan seterusnya mendapat tambahan sebiji gula-gula. Kanak-kanak yang terus memakan gula-gula terdorong untuk memuaskan kemahuan diri mereka dengan segera manakala kanak-kanak yang menunggu sehingga guru tiba, terdorong untuk mengawal dan menahan diri dari memenuhi kemahuan dan kepuasan diri demi mendapatkan ganjaran atau kepuasan yang lebih besar. Konsep kajian ini mirip ibadah puasa yang umat Islam jalani. Menahan kemahuan diri demi mendapatkan ganjaran, keberkatan dan keredhaan Allah. Hasil kajian setelah kanak-kanak tersebut dewasa mendapati kanak-kanak yang mampu mengawal kemahuan diri memiliki kecerdasan emosi yang lebih tinggi. Mereka juga lebih berjaya dalam pelajaran juga kerjaya berbanding kanak-kanak yang terdorong untuk memuaskan diri dan dilihat memiliki kecerdasan emosi yang rendah. Justeru dapat dilihat bahawa, individu yang berjaya mengharungi ibadah puasa dengan sempurna dan jayanya adalah individu yang memiliki kecerdasan emosi yang tinggi dan akan berjaya dalam kehidupannya.

Dari konsep kecerdasan emosi yang dinyatakan, ia juga dilihat sebagai satu perlakuan sabar. Bersabar dari memenuhi kemahuan diri mahupun kepuasan diri. Justeru dapat disimpulkan bahawa, bersabar akan membentuk kecerdasan emosi yang tinggi dalam diri individu. Dan konsep bersabar ini sememangnya dapat diimplementasikan sepenuhnya dalam ibadah puasa kita di bulan Ramadan ini.

Ketika seseorang berpuasa di bulan Ramadan, dia terpaksa bersabar dan menahan kemahuan diri iaitu makan di saat terasa lapar dan minum tatkala haus. Namun, pada akhirnya ketika berbuka puasa, dia akan mendapatkan kepuasan dan kegembiraan yang lebih tinggi. Rasulullah S.A.W bersabda, "Bagi orang yang berpuasa ada dua kegembiraan (farhatain), iaitu kegembiraan tatkala dia berbuka dan kegembiraan tatkala dia bertemu dengan Tuhan."

Berdasarkan hakikat ini, dapat disimpulkan bahawa puasa di bulan Ramadan merupakan suatu aspek penting dalam melatih kesabaran. Melatih kesabaran juga bererti melatih kecerdasan emosi kerana orang yang sabar adalah orang yang memiliki kecerdasan emosi yang tinggi. Melalui ibadah puasa di bulan Ramadan ini, seharusnya kaum Muslimin dapat membentuk diri menjadi individu yang lebih sabar seterusnya memiliki kecerdasan emosi yang tinggi.



" individu yang berjaya mengharungi ibadah puasa dengan sempurna dan jayanya adalah individu yang memiliki kecerdasan emosi yang tinggi dan akan berjaya dalam kehidupannya "



" bersabar akan membentuk kecerdasan emosi yang tinggi dalam diri individu. Dan konsep bersabar ini sememangnya dapat diimplementasikan sepenuhnya dalam ibadah puasa kita di bulan Ramadan ini "



" individu yang cerdas emosinya mampu mengawal dan menahan diri dari memenuhi kemahuan atau kepuasan dirinya manakala sebaliknya bagi individu dengan kecerdasan emosi yang rendah "

Puasa

oleh : Ismail Md.Nor @ Mohd. Nor

Puasa dari istilah bahasa Arab bererti menahan diri dari sesuatu aktiviti. Dari segi istilah syara' ialah menahan diri dari sesuatu yang membantalkannya, selama satu hari (kira - kira 14 jam) mulai terbit matahari hingga terbenam matahari dari ufuk barat dengan niat tertentu mengikut syarat-syarat tertentu.

Puasa yang dimaksudkan disini ialah puasa ramadhan dan hukumnya fardu ain keatas tiap orang muslim yang cukup syarat - syaratnya.

Puasa mempunyai banyak hikmah yang meliputi semua aspek kehidupan antaranya:-

- a. Menjaga kesihatan badan kerana organ-organ dalam perut memerlukan kerehatan dalam keadaan tertentu umpamanya seseorang itu akan menjalani pembedahan. Oleh itu berpuasa selama 14 jam sehari cukup bersih bagi seseorang memerlukan perbuatan sedemikian.
- b. Membiasakan seseorang itu makan atau minum mengikut jadual waktu tertentu iaitu makan apabila terbenam matahari. Dengan ini memberi peluang bekerja yang lebih lama kepada seseorang serta mengajar mereka berdisiplin dalam kehidupan.
- c. Melatih diri orang - orang yang berpuasa dengan membiasakan berakhlek mulia seperti sifat sabar diatas perkara tidak diingini , lemah lembut, berani, menjaga maruah, taat setia dan patuh kepada perundungan dan sebagainya. Pekara begini dapat dibuktikan dengan kepatuhan terhadap tegahan dan larangan yang dikenakan sepanjang hari kepada orang- orang yang berpuasa.
- d. Untuk menanam perasaan belas kasihan dan bertiimbang rasa dalam jiwa orang- orang kaya terhadap orang-orang miskin, ini kerana orang-orang yang berpuasa sama - sama merasai lapar dan dahaga seperti yang selalu dirasai oleh fakir miskin .
- e. Untuk menanam babit kepercayaan dalam diri sseorang muslim dengan mengenakan undang - undang tertentu kepada orang- orang yang berpuasa.
- f. Sebagai tanda berterima kasih kepada kemurahan Allah yang memberi rezeki dan nikmat yang tidak tekira banyaknya.
- g. Untuk memberi peluang seluas-luasnya kepada orang muslim bagi memperolehi pahala atau ganjaran yang banyak melalui amalan berzikir, beristighfar, selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW melalui amal - amal kebajikan dan tingkah laku yang baik, kerana sememangnya dalam bulan Ramadhan adalah bulan yang mempunyai banyak peluang - peluang sedemikian.

Bagi orang - orang yang berpuasa segeralah berbuka apabila masuk waktunya kerana dalam satu hadis Rasulullah diriwayatkan oleh At-Tarmizi : Dari Abi Hurairah RH bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda: Allah Subhanahuwataala berfirman: Aku suka kepada hamba-hambaku yang menyegerakan berbuka.

Selain itu bersahurlah kita agar mendapat berkat kerana Dari Anas RH Rasulullah SAW bersabda: Bersahurlah sesungguhnya sahur itu berkah - riwayat Bukhari muslim

Semoga amalan puasa nanti akan memberikan keberkatan kepada kita dan direhui oleh Allah Subhanahu Taala.

Tahniah..!!!!**Berjaya menamatkan pengajian..**

oleh : Norsuria binti Azis

**Ijazah Sarjana****Sazuan Nazrah**

Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)
telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Advance Process Control) pada 31 Mac 2011 dari Universiti Teknologi Petronas (UTP)

Mohd Najib bin Ali Mokhtar

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)
telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekatronik pada 1 April 2011 dari RWTH Aachen University, Jerman.

Nur Zawani binti Saharuddin

Fakulti Kejuruteraan Elektronik Elektrik (FKE)
telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Tenaga Elektrik dan Sistem Kuasa) pada 28 April 2011 dari Universiti Malaya (UM)

Hazman bin Hasib

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)
telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Industri pada 10 Mei 2011 dari North Carolina State University, Raleigh, USA.

Mawarni binti Mohamed Yunus

Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)
telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem pada 6 Jun 2011 dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Syahrul Azwan bin Sundi@Suandi

Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)
telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Pembuatan pada 29 Jun 2011 dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

Siti Rosmaniza binti Ab. Rashid

Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)
telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Komunikasi dan Komputer pada 30 Jun 2011 dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Ijazah Doktor Falsafah**Fairul Azni bin Jafar**

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)
telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Production Information Engineering pada 24 Mac 2011 dari Utsonomiya University, Jepun.

Nor Salim bin Muhammad

Fakulti Kejuruteraan mekanikal (FKM)
telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Mekanikal pada 25 Mac 2011 dari Nagoya Institute of Technology, Jepun.

Mohd Azman bin Abdullah

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Automotive and Mechanical Control System pada 25 Mac 2011 dari Tokyo University of Agriculture and Technology, Jepun.

Abdul Rahim bin Abdullah

Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)
telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Elektrik pada 29 April 2011 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Zuhriah binti Ebrahim

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)
telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Pembuatan pada 11 Mei 2011 dari University of Cardiff, United Kingdom.

Zulkeffli bin Selamat

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Mekanik dan Bahan pada 15 Jun 2011 dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Juhaini binti Jabar

Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT)
telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan Perniagaan pada 16 Jun 2011 dari University of South Australia, Australia.

Noraiham binti Mohamad

Fakulti kejuruteraan Pembuatan (FKP)
telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang kejuruteraan mekanikal pada 20 Jun 2011 dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Gan Chin Kim

Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)
telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Elektrik pada 1 Julai 2011 dari Imperial College London, United Kingdom.

Wahai diriku....

Setelah sekian lama engkau berpuasa, pernahkah engkau merenungi hakikat puasa ini daripada Allah. Selama ini begitu banyak kelebihan dan hikmah yang engkau ketahui daripada ibadah puasa ini. Ilmu akalmu mengesahkan kebaikan puasa kepada kesihatan badanmu. Ilmu akalmu mengesahkan kebaikan puasa dalam hubungan sesama manusia.

Wahai diriku... kalbumu pula mengesahkan apa tentang puasa ini? Bagaimana ilmu akalmu atau jiwanmu atau mata hatimu atau qalbumu mampu menghayati maksud hadis Qudsi ini yang pernah disabdarkan oleh Nabi s.a.w bahawa Allah telah berfirman;

"Puasa itu adalah benteng dari api neraka. Puasa itu juga bagiKu, dan Aku akan membalasnya sendiri. Dia telah meninggalkan kawa nafsunya, dan makan minumannya kerana Aku. Sesungguhnya bau mulut orang yang berpuasa itu adalah lebih harum di sisi Allah daripada bau kasturi!" (riwayat Baghawi)

Wahai diriku, Allah telah memberitahu bahawa puasa itu (yang dilakukan semata-mata kerana menuntut keredaan Allah swt) akan menjadi benteng yang kukuh yang akan melindungi engkau di akhirat nanti daripada api neraka. , InsoyAllah. Janji Allah ini kepada dirimu yang berpuasa adalah tanda kasih sayang Allah kepada hambaNya supaya engkau terhindar daripada seksaan azab-Nya.

Wahai diriku, engkau meyakini bahawa ibadah-ibadah selain puasa, balasan/ganjarannya, semuanya ditetapkan dan diterangkan seperti mana dinyatakan menerusi ayat-ayat al-Quran atau Hadis-Hadis Nabi yang lain, tetapi balasan/ganjaran puasa tidak dinyatakan, kerana Allah swt sendiri yang akan menentukan dan menyampaikannya. Betapa dimuliakan Allah swt ke atas dirimu yang ikhlas berpuasa kerana-Nya. Bayangkanlah betapa smat berbangganya engkau jika ditsakdirkan engkau menerima anugerah dan disampaikan sendiri oleh penimipin tertinggi negara tetapi bagaimana pula jika anugerah pahala puasa itu disampaikan oleh Yang Maha Pencipta pula? (yang ternyata lebih bernilai dan kekal abadi) ke atas dirimu?

Wahai diriku, bukankah ini bukti kasih sayang Allah swt untuk hamba-Nya yang ikhlas berusaha menjalani ibadah puasa sebalik mungkin mengharapkan rida-Nya, sedangkan manakah mungkin sebalik mana pun ibadah puasa yang tanpa dijalani seorang hamba, ia mampu membala nikmat kurniaan Allah swt? Sesungguhnya Allah swt juga mengucilakan Zakmat-Nya ke atas hamba-hambanya yang ikhlas berpuasa untuk-Nya.

Wahai diriku, mengapakah dengan keradaan seperti ini yang dijanjikan daripada Dzat yang Maha Melia, tidak mendorong engkau untuk mencari CINTA-Nya dan mencintai-Nya...?

Wahai diriku... Engkau juga sungguh gelisah dengan bau mulutmu kerana puasamu tetapi Allah menyatakan bahawa bau mulut orang yang berpuasa itu adalah lebih harum di sisiNya daripada bau kasturi! Wahai diriku selamllah dengan itwa bersihmu, bukankah kata-kata itu sebagai tanda betapa kasihnya Allah ke atas hambaNya yang berpuasa itu, meskipun engkau mungkin disisih manusia disebabkan bau mulutmu kerana puasamu itu tetapi Allah menyenangi dirimu kerana engkau memiliki perhatian-Nya berbanding perhatian manusia. Jika itu sebagai tanda kasih Allah, tanda besarnya penghargaan dari Allah dan begitu Allah mahu menghiburkan kegembiraan dirimu, mengapakah mata hati engkau buta betapa engkau semestinya bersungguh-sungguh berpuasa demi mendapat kecintaan-Nya.

Wahai diriku, bukankah engkau selalu menyembunyikan hadiah istimewa dan akan menghadiahkan hadiah tersebut dalam suasana yang paling romantis tanda kemesraan dan mendalamnya cintamu kepada orang yang engkau kasih dan cintai. Jadi bila Allah menyembunyikan ganjaran pahala daripada engkau dan akan diberikan sendiri oleh-Nya nanti di akhirat,, bukankah itu tanda CINTA... Wahai diriku... engkau patut berasa sungguh malu kerana dirimu tidak menyadari akan CINTA Ilahi sedangkan engkau tidak melakukan apa-apa untuk mencintai-Nya. Ganjaran pahala yang dirahsiakan itu akan bersandarkan keikhlasan amalan puasamu...bagaimana pula jika puasamu itu tiada nilainya di sisi Allah...mala sungguh nantinya apabila engkau tidak diberikan ganjaran itu...

...aku...